

# Buletin UNISZA

ISSN 2180-0235 | OGOS 2022 | BIL. 37



CANSELORI



**Pemantapan Pengurusan  
Melalui Penjajaran Pelan Strategik Universiti  
2023-2030**



## PENGURUSAN TERTINGGI

Prof. Dr. Fadzli Adam  
Naib Canselor

Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz Yusoff  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Ts. Dr. Shukor Abd Razak  
Timbalan Naib Canselor UniSZA

En. Ismail Musa  
Pendaftar

Pn. Shakimah Endut  
Bendahari

En. Mohd Fuad Husaini  
Penasihat Undang-Undang

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman  
Pengaroh Kampus Besut

En. Muzafar Mohd Din  
Pengaroh Pusat Komunikasi Korporat dan  
Pengurusan Perhubungan

## SIDANG EDITOR

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh  
Penerbit UniSZA

Pn. Zurina Mansor  
Penerbit UniSZA

Dr. Mohd Nasir Mat Nor  
Fakulti Perubatan

Dr. Siti Hajar Abdul Rauf  
Fakulti Sains Sosial Gunaan

En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee  
Pusat Antarabangsa

Cik Nazilah Mohamad  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Muhammad Hafizi Rozali  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

En. Kaswadi Yusoff  
Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin  
Penerbit UniSZA

Pn. Rozilawati Mahmud  
Penerbit UniSZA

## SENARAI PENYUMBANG

1. Pejabat Pendaftar
2. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI)
3. Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK)
4. Fakulti Infomatik dan Komputeran (FIK)
5. Fakulti Biosumber dan Makanan (FBIM)
6. Fakulti Sains Kesihatan (FSK)
7. Fakulti Farmasi (FF)
8. Perpustakaan Al-Wathiqu Billah, Kampus Besut.
9. Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan UniSZA (CenTTM)
10. Pusat Kesenian dan Warisan (PKW)
11. Pusat Antarabangsa (IC)
12. Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan (CREIM)
13. Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PAKAT)
14. Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP)
15. Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA)
16. Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar (KKKP)
17. Dr. Hanif Md. Latif @ Junid (FUPL)
18. Dr. Naresh Bhaskar Raj (FSK)
19. En. Ahmad Taufan Abdul Rashid (ESERI)
20. En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee (IC)

Hak Cipta Terpelihara © 2022. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2022  
Pengaroh, Penerbit UniSZA  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
Terengganu, MALAYSIA.  
Tel: 09-668 8772, Faks: 09-668 7867  
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



# KANDUNGAN

<b>Utama</b>	<b>4</b>
<b>Malim Sarjana</b>	<b>5</b>
<b>Bengkel/Seminar/Kursus/Mesyuarat</b>	<b>8</b>
<b>Tokoh</b>	<b>14</b>
<b>Rencana</b>	<b>18</b>
<b>Pencapaian</b>	<b>23</b>
<b>UniSZA Bersama Komuniti Setempat</b>	<b>31</b>
<b>UniSZA dan Hubungan Antarabangsa</b>	<b>35</b>
<b>Sukan dan Ko-Kurikulum</b>	<b>38</b>
<b>Terbitan UniSZA</b>	<b>40</b>



## Prof. Dr. Fadzli Adam Dilantik Sebagai Naib Canselor UniSZA Ke-5

Berasaskan kecemerlangan dalam bidang akademik dan pengalaman jawatan pentadbiran, Prof. Dr. Fadzli Adam telah dilantik sebagai Naib Canselor UniSZA ke-5 berkuat kuasa mulai 1 Mac 2022. Prof. Dr. Fadzli sebelum ini merupakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniSZA. Dalam masa yang sama juga, beliau telah diamanahkan untuk menjalankan fungsi Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Selepas tamat pengajian, beliau memulakan kerjaya sebagai tutor di Pusat Pengajian Umum

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1996 dan kemudian pensyarah di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem), pada 29 Julai 2001. Selain itu, beliau juga memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Timbalan Dekan, Koordinator, Ketua Jabatan. Bermula 30 November 2014 pula, beliau mula berkhidmat sebagai pensyarah di UniSZA dan dilantik sebagai Pengarah di Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (Inspire) pada 1 April 2015.

Prof. Dr. Fadzli memperoleh Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Islam dari University of Leeds, United Kingdom. Sebelum itu, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Teologi dan Pengajian Agama) dan Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Dalam usaha beliau memantapkan pengurusan UniSZA, satu rangka kerja yang jelas dan mantap telah dihasilkan dengan memberi tumpuan utama kepada penajajaran

Pelan Strategik Universiti (2023 – 2030), Membangunkan Pelan Tindakan Lonjakan *Ranking dan Rating* UniSZA, Kemampanan Kewangan, Proses Digitalisasi, Kolaborasi Industri dan Institusi Antarabangsa, Pengoperasian Hospital dan Pemerksaan Penyelidikan. Rangka kerja ini juga disandarkan kepada konsep pengurusan berfokus iaitu *approachable* (*mudah didekati*), *collective* (*kolektif*) serta *efficient* (*cekap*) melalui pendekatan *Togetherness* atau Kebersamaan yang meliputi nilai *trust, enjoy, teamwork, honesty, respect, nice, encouragement, support*.



# Jalur Pemikiran Intelektual dan Peradaban Islam di Dunia Arab

Hanif Md Lateh, PhD  
hanifjunid@unisza.edu.my

Bicara akademik anjuran Pusat Kajian Asia Barat, Asia Tengah dan Afrika Utara atau dalam bahasa Inggerisnya Centre for West Asian, Central Asian and North African Studies (WACANA) sempena pra pelancaran telah dilaksanakan pada 23 Februari di Dewan Senat, UniSZ, Kampus Gong Badak. Program ini menyetengahkan dua tajuk perbincangan iaitu Jalur Pemikiran Intelektual dan Peradaban Islam di Dunia Arab yang dibentangkan



oleh Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty. Tajuk kedua ialah Dinamika Politik Asia Barat dan Asia Tengah: Cabaran Semasa oleh Dr. Kamaruzaman Yusoff. Sorotan Malim Sarjana untuk edisi ini mengupas pembentangan Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty yang menyetengahkan idea pemikiran kelompok dunia Arab serta transisi yang berlaku. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty merupakan Presiden Kolej Darul Hikmah dan Pengerusi Majlis Ishtishari sebuah badan bukan kerajaan iaitu Wadah Pencerdasan Umat. Beliau mempunyai latar belakang luas dalam bidang akademik dengan penumpuan kepada pemikiran Islam, yang bergerak secara aktif dalam badan bukan kerajaan serta politik tanah air. Beliau pernah berkhidmat sebagai kakitangan akademik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta pelbagai institusi pendidikan tinggi dalam dan luar negara.

Sumbangan beliau terhadap universiti tidak terhenti sebagai pensyarah, sebaliknya turut memegang jawatan utama dalam pentadbiran universiti. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty juga merupakan mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, bermula pada tahun 2018 hingga tahun 2021. Selain itu, beliau juga merupakan presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) sejak tahun 1991 hingga 1997 diikuti pertubuhan lain yang berada dalam jalaran pendidikan mahupun pemikiran. Di samping itu, beliau turut bergiat aktif dalam arena politik tanah air sehingga dilantik menjadi Senator pada tahun 2015. Justeru, keberadaan beliau selaku pengucap dalam bicara akademik tersebut sangat bersesuaian dengan kedudukannya sebagai tokoh besar dalam perjuangan pemikiran Islam. Penganjuran dan kejayaan bicara akademik ini ialah hasil kerjasama jawatankuasa yang diketuai Ketua WACANA, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam iaitu Prof Madya Dr. Mohamad Zaidin Mat@Mohamad. Bicara Akademik ini dilaksanakan secara fizikal dan secara dalam talian dengan mengambil masa sekitar dua jam. Penyertaan secara fizikal membabitkan sekitar 50 peserta dari pelbagai latar dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 yang ditetapkan.

Bicara Akademik ini dimulakan oleh Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty dengan mengupas berkenaan penjajahan yang memberikan kesan mendalam terhadap dunia Arab. Natijah penjajahan adalah pada *al-*

*guzuwwul al-fikri* (penjajahan fikiran). Hasilnya, masyarakat di dunia Arab mengalami sindrom penyakit rendah diri (*al-wahn*), lemah berfikir (*da'f 'ul fikriy*) dan malas (*al-kasl*). Keadaan ini berkait langsung dengan sikap defensif dunia Arab dalam menerima kehadiran penjajah dengan memetik istilah Malik Ben Nabi iaitu "*qabiliyyat lil isti'amar*" atau disebut dalam bahasa Perancis "colonozibilité". Walau bagaimanapun, pengucap tidak memberikan landskap dunia Arab dari segi geografi yang menyebabkan istilah ini menjadi pragmatik. Oleh itu, dunia Arab dalam konteks bicara ini boleh diterjemah sebagai 22 negara anggota Liga Arab, atau negara Asia Barat (West Asia) yang merangkumi 15 negara menurut takrifan *United Nations Industrial Development Organization*. Namun, pemakaian secara pragmatik ini boleh dikesalkan jika merujuk syarahan Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty iaitu berada di sekitar negara seperti Mesir, Syria, Iraq dan Libya. Justeru, secara konsepnya empat lokaliti ini mewakili negara dalam Asia Barat. Namun, persoalan tentang landskap ini dapat mewakili keadaan yang berlaku dalam Asia Barat yang dimaksudkan secara keseluruhan masih menjadi tanya tanya. Persoalan ini boleh digali semula menerusi siri bicara akademik berikutnya kelak.

Teori penjajahan fikiran yang dibawa oleh pengucap dibuktikan dengan membawa jalur pemikiran bersifat sekularisme dan nasionalisme dalam dunia Arab. Pembuktian dibuat dengan membawa contoh kritikan terhadap agama Islam yang dibuat oleh individu dalam jaluran pemikiran ini. Antara yang disebut ialah Taha Hussain dan Lutfi al-Sayyid. Sementara itu, kontradiksi antara Farraj Fodah dan Shaikh Muhammad al-Ghazali turut menunjukkan kebenaran teori penjajahan fikiran yang berlaku dalam dunia Arab semenjak era 50-an. Selain peristiwa realiti, hasil penulisan Majallah *al-Ruz* turut membuktikan teori pengucap, bahkan dirangkumkan dalam ideologi yang merentasi sekular, nasionalis, liberal, sosialis, komunis dan atheis. Selain itu, gelombang feminisme turut menjadi faktor membenarkan teori ini. Justeru, ambang pasca kemerdekaan negara Arab yang bermula dengan Mesir (1922), Iraq (1932), Lubnan (1943), Jordan (1946) dan Yaman (1990) merupakan transisi penjajahan fikiran yang menyebabkan pemikiran berasaskan *euro-centric* berlaku. Hal ini turut terbukti apabila pengucap menyatakan tentang dua tokoh besar dari Universiti al-Azhar iaitu Sheikh Khalid Muhammad Khalid dan Sheikh 'Ali 'Abd al-Raziq telah membawa idea berpaksi *euro-centric*. Walaupun terdapat respon daripada Sheikh Muhammad al-Ghazali dan Muhammad 'Imarah terhadap idea ini, tetapi ia membuktikan penjajahan fikiran ini berlaku sehingga dalam kalangan intelektual yang membumi di institusi berlandaskan *turath* Islam.

Setelah Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty membawa asas dan pembuktian penjajahan fikiran yang berlaku sekitar 50-an dan 60-an, era berikutnya diistilahkan dalam frasa "Pemikiran Liberalisme Islam yang lebih radikal". Frasa ini

bagi menggambarkan keadaan pemikiran dunia intelektual Arab berubah menjadi lebih buruk semenjak era 80-an sehingga tahun 2012. Era ini memperlihatkan kecenderungan yang lebih kritikal dalam kalangan tokoh ilmuwan di dunia Arab terhadap pemikiran dari Barat. Tiga tokoh yang dikemukakan sebagai contoh ialah Muhamamd Arkoun (Algeria), Nasr Zaid Abdul Hamid (Mesir) dan Hassan Hanafi (Mesir). Ketiga-tiga





tokoh ini terlibat dalam membawa idea kontroversi yang berpandukan pandangan orientalis Barat. Hal ini dinyatakan dengan pembuktian karya serta mengimbas respon pemikir Islam di dunia Arab seperti Sheikh Jadd al-Haq dan Muhammad ‘Imarah. Selain itu, pengucap tidak terhad berbicara dalam konteks pemikiran sahaja. Sebaliknya, beliau turut mengetengahkan tentang situasi politik yang berlaku di Libya menerusi pemerhatian langsung beliau pada Julai 1973. Pengucap merumuskan bahawa Libya di bawah Muammar Ghaddafi mengekori Jamal Abd Nassir di Mesir dalam konteks nasionalisme. Konteks ini adalah satu bentuk penjajahan fikiran sebagaimana disentuh di awal perbincangan. Impak keadaan semasa dunia Arab dari segi pemikiran tidak memberi kesan langsung disebabkan wujud tentangan daripada pemikir Islam. Walau bagaimanapun, pemikiran ini menjelajah ke luar dunia Arab khususnya negara Islam lain. Kesan tersebut boleh dilihat menerusi kewujudan Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia yang giat melentera wacana berasaskan faham sebegini bahkan merentasi kampus Institut Islam Agama Negeri (IAIN). Selanjutnya, muncul juga pemikiran tertutup dengan menolak pemimpin atau pemikir Islam seperti Sayyid Qutb. Penulis melihat keadaan ini berlaku disebabkan kaedah atau tatacara melihat Islam dibuat menggunakan kayu ukur yang salah iaitu berdasarkan sudut pandang dari Barat. Justeru, idea pengucap dalam mengemukakan punca pada salah faham adalah kerana salah faham. Idea ini merupakan satu teguran hebat pada kita dalam era kontemporari ini untuk memiliki kayu ukur betul dan tepat bagi menidakkan salah faham dan lantas menimbulkan salah faham.

Dato’ Dr. Muhammad Nor Manuty meneruskan bicara akademik dengan mengubah perbincangan ke arah perubahan yang berlaku dalam dunia Arab bermula dalam era 80-an. Penggunaan terma “Muslim Demokrat” oleh pengucap menunjukkan tokoh dunia Arab telah memulakan perkembangan baharu dalam politik khususnya. Perkembangan yang dimaksudkan ialah mengamalkan prinsip Islam dengan menggunakan laluan yang dibawa oleh Barat. Keadaan ini menunjukkan saringan terhadap penjajahan fikiran telah berlaku dengan membetulkan mengikut prinsip Islam yang sebenar. Bagi membentangkan hal ini, pengucap memberi contoh gerakan Ikhwan al-Muslimun di bawah pimpinan Mahdi al-‘Akif, penulisan buku *Islam dan Demokrasi* (1993) serta gerakan Nahdah pimpinan Sheikh Rashid al-Ghannoushi. Perubahan pengukuhan Islam dalam ruang pemikiran dari aspek politik menunjukkan langkah pengembalian peradaban Islam sebagai garis panduan telah berlaku. Isu peradaban Islam yang dilecehkan oleh para pemikir peradaban dalam dunia Arab turut diketengahkan. Pengucap mengukuhkan pandangan bahawa dunia Arab ingin berbangga dengan peradaban Arab dan bukan peradaban Islam. Keadaan ini perlu diperbetulkan dengan melihat semula Islam sebagai pencetus peradaban yang berlaku dalam dunia Arab. Pengucap seterusnya membentangkan polemik dunia Arab dari kaca mata Prof. Isma‘il R. al-Faruqi dan Muhammad ‘Imarah. Kesimpulan besar daripada kedua-dua tokoh ini tentang kebejatan dalam dunia Arab ialah legasi *qawmiyyah arabiyyah* (asabiah Arab), *ilmaniyyah* (sekularisme), *istibdadiyyah* (kuku besi), *jumud* (pembekuan fikiran), *taraf* (kemewahan), *tabzir* (pembaziran) yang dominan dalam sistem masyarakat Arab pada hari ini. Pengucap menyatakan Islam hanyalah *lip service* dan simbol semata.

Justeru, bagi mengembalikan Peradaban Islam dalam dunia Arab, pengucap mengemukakan sudut pandang Sheikh Yusuf al-Qardawi dalam konteks Fiqh al-Hadari. Pengucap memetik dua karya yang berjudul *al-Islam Hadarat al-Ghadd* dan *Thaqafatuna bayna al-Infithah wa al-Inghilaq* yang membincangkan tentang perkembangan peradaban Islam. Kelihatan daripada kedua-dua karya ini, al-Qardawi optimis tentang peradaban Islam yang dilihat akan kembali kepada nilai keunggulannya. Unggul dengan memenuhi aspek fizikal dan rohani ialah penerapan yang telah dilakukan dalam peradaban Islam terdahulu. Memetik petikan al-Qardawi yang diutarakan pembicara “... tetapi manusia Barat yang meletakkan kakinya di atas permukaan bulan, gagal menikmati ketenteraman jiwa dan kebahagiaan di atas muka bumi”. Oleh itu, peradaban Islam mempunyai ruang dan peluang untuk diperkasa dan dikembalikan menerajui muka bumi. Dato’ Dr. Muhammad Nur Manuty menutup bicara dengan mengutarakan keadaan semasa dunia Arab yang masih mengekori kemajuan dari kaca mata Barat. Justeru, penyelesaiannya adalah dengan mengekalkan operasi semasa yang dijalankan oleh Institut Pemikiran Islam Antarabangsa sebagai satu daripada contoh. Selain itu, pemerksaan institusi pendidikan berteraskan Islam yang mengeluarkan insan berkemahiran dalam pelbagai bidang dan memiliki pemikiran berteraskan Islam tulen, merupakan salah satu kaedah penyelesaian terbaik.

# WEBINAR PDP

## ANJURAN FSK MENINGKATKAN INTERAKSI PENSYARAH-PELAJAR KETIKA PDP

Siri Webinar Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) merupakan program berkala yang dianjurkan oleh Fakulti Sains Kesihatan (FSK). Program ini menjemput ahli akademik yang berwibawa untuk membincangkan isu kontemporari dalam pembelajaran dan pengajaran. Berhadapan dengan isu pandemik COVID-19 yang merupakan isu global secara tidak langsung mempengaruhi metod PdP. Justeru para pensyarah dan universiti melihat perkara ini sebagai satu isu penting untuk dibincangkan.

Pascapandemik COVID-19 telah merubah landskap pendidikan tinggi negara terutamanya dalam pelaksanaan proses PdP. Aktiviti perkuliahan secara fizikal telah ditukarkan kepada secara maya atau dalam talian. Justeru pada 12 Mei lalu, Siri Webinar Pembelajaran dan Pengajaran yang bertajuk '*Designing Online Learning Activities Based on Innovative Pedagogies: Heutagogy and Peeragogy*' telah diadakan secara dalam talian melalui aplikasi Webex. Seramai lebih kurang 74 orang peserta menghadiri program ini. Peserta terdiri daripada staf akademik FSK dan staf akademik dari fakulti lain. Program ini merupakan anjuran bersama Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CenTTM) UniSZA.

Tokoh akademik yang dijemput kali ini ialah Prof Madya Dr. Mohammad Tazli Azizan merupakan mantan pensyarah di Universiti Malaysia Perlis (UMP). Beliau yang merupakan pemegang Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Kimia telah menubuhkan Skolar Malaysia yang memfokuskan dan menyampaikan latihan pemudahcaraan berkaitan PdP. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pedagogi dalam kalangan pensyarah untuk membina kerangka aktiviti PdP dalam talian. Pada masa yang sama program ini juga menggalakkan pensyarah untuk meneroka kaedah yang terkini dan efektif dalam meningkatkan interaksi dengan pelajar dalam sesi PdP. Di samping itu juga, program ini mendedahkan pensyarah dengan pendekatan semasa dan menambah baik sesi PdP dengan aktiviti yang lebih bersesuaian dan berorientasikan pelajar.

Antara perkara yang dikupas oleh penceramah ialah 'Apakah Cabaran Dalam PdP Pada Abad 21?' dan 'Metod yang Paling Sesuai Bagi Mengatasinya Berdasarkan Haireki Pedagogy, Andragody, Heutagogy dan Peeragody'. Hal ini mencetuskan pelbagai idea dalam kalangan staf akademik bagi mempelbagaikan aktiviti PdP pada masa akan datang.





# Bengkel Igal Antarabangsa

## Memperkenalkan Budaya dan Seni Masyarakat Bajau Semporna, Sabah



Kelab Pesonatri di bawah kendalian Pusat Kesenian dan Warisan telah memilih seramai empat orang pelajar dari Fakulti Perniagaan dan Pengurusan; Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa; Sains Kesihatan; dan Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi untuk menyertai Bengkel Igal Antarabangsa sempena Pesta Regatta Lepa 2022. Bengkel ini merupakan anjuran Persatuan Kebudayaan Kesenian Bajau Semporna dengan kerjasama Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah.

Bengkel ini diadakan di Dewan Sabah, Putra World Trade Centre pada 18 hingga 20 Mei dan turut disertai oleh beberapa universiti awam yang lain seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Teknologi Melaka Malaysia dan Sekolah Seni Johor. Bengkel ini bertujuan memperkenalkan asas tarian Igal dan mempromosikan budaya dan seni masyarakat Bajau Semporna.

Pada hari pertama bengkel, peserta diperkenalkan dengan beberapa tarian Igal iaitu Igal Limbaian, Igal Lelang dan juga Igal Tabawan. Pada hari kedua pula, peserta dikehendaki mencipta tarian baharu daripada asas Igal tersebut untuk dibawa ke pertandingan akhir pada malam penutup. Majlis penutup dihadiri oleh wakil Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dr. Tan Awang Besar.




# PaKaT dan Gig Venture

## BIMBING GRADUAN MENJADI FREELANCER

Menyedari tahap ekonomi semakin mencabar, pelajar perlu bersedia dalam menghadapi cabaran ekonomi dengan mempelbagaikan kemahiran untuk menjana pendapatan. Oleh itu, Pusat Kerjaya, Keusahawanan dan Jaringan Pintar (PaKaT) dengan kerjasama agensi luar iaitu Gig Venture Sdn. Bhd. telah mengadakan satu program secara dalam talian iaitu program 'Jom Jana Pendapatan Sebagai Freelancer' pada 8 Februari. Seramai 134 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan alumni menghadiri program ini. Program ini disampaikan oleh Encik Khairul Ikhwan Zulkefly dari Gig Venture Sdn Bhd.

Bengkel ini memberi pendedahan kepada peserta cara untuk menjadi seorang *freelancer* berdasarkan kemahiran yang dimiliki. Tambahan pula, peserta didedahkan dengan platform dalam talian yang dapat membantu mereka untuk memasarkan kemahiran

yang dimiliki dengan menyediakan perkhidmatan yang diperlukan oleh pengguna. Antara perkhidmatan yang kebiasaannya ditawarkan ialah reka bentuk dan penterjemahan. Kepelbagaian latar pelanggan dari seluruh dunia memberi satu kelebihan dan peluang kerana dapat mempelajari perbezaan keinginan setiap pelanggan.



BUKTI KAMI DI LAMAN SOSIAL: @pakatunisza

**Jom Jana pendapatan SEBAGAI Freelancer**

Anda ada kemahiran seperti pereka grafik? Penterjemah? Penyunting video? Pelakon Suara? Data Entry? Fotografer? Make up Artist? atau kemahiran yang boleh menjana pendapatan?

*jom pakat online*

TARIKH: 8 FEBRUARI 2021  
MASA: 10.00 PAGI - 12.00 TGHR  
MEDIUM: WEBEX

**BERGAMA KHAIRUL IKHWAN ZULKEFLY**  
Gig Consultant

QR PENDAFTARAN:  
<https://forms.gle/BjqcAaWkdsnSPanb8>

ANJURAN

Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT) UnisZA  
FPP | FBIM | FUHA | FSSG | FRIT | FKI | FIK | FBK | FSK

Oleh itu, peserta yang mempunyai asas dalam bidang yang dimiliki lebih berpeluang untuk mendapat tempahan perkhidmatan dari seluruh dunia. Peserta yang belum mempunyai asas dalam bidang *freelancer* didedahkan dengan platform dalam talian untuk meningkatkan kemahiran berdasarkan minat yang dimiliki.

Program kerjasama dengan agensi luar seperti ini mampu memberi nilai tambah serta peluang baharu kepada bakal graduan untuk meneroka alam pekerjaan dengan mempelbagaikan kemahiran dalam menjana pendapatan. Program ini seterusnya dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan UniSZA.



# FBK ANJUR HARI APRESIASI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN MELAYU



Pelajar kursus Kebudayaan dan Kesenian Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah berjaya menganjurkan Hari Apresiasi Kebudayaan dan Kesenian Melayu. Program ini berlangsung pada 30 Mei g di Dewan Auditorium Akademik, UniSZA.

Pengajuran program diadakan bagi memperkenalkan kepelbagaian kebudayaan dan kesenian Melayu di Malaysia. Selain itu, ia merupakan satu medium untuk mengangkat identiti kebudayaan dan kesenian Melayu kepada masyarakat khususnya generasi abad ke-21. Konsep program ini dilaksanakan dengan menyediakan sudut pameran kepelbagaian kebudayaan dan kesenian seperti sistem adat Melayu, adat perkahwinan, seni tari dan pakaian tradisional. Objektif program ini adalah bagi membina keyakinan yang tinggi dan mempertingkatkan kelebihan serta kemampuan pelajar dalam berorganisasi.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, FBK iaitu Dr. Mohd Ala-Uddin Othman. Dalam ucapan perasmian tersebut beliau menasihatkan para pelajar agar terus memartabatkan kebudayaan dan warisan Melayu, seiring dengan kursus Kesenian dan Kebudayaan yang diambil.

Beliau juga berkata, rakyat Malaysia seharusnya berbangga dengan warisan dan budaya yang mempunyai kelainan berbanding bangsa lain dan keunikan tersebut melambangkan identiti sebenarnya. Jika ia tidak diterap atau dimartabatkan, budaya Melayu akan menjadi suatu khazanah atau warisan yang akan terhakis dalam jiwa masyarakat khususnya orang Melayu.

Selain itu, program ini juga bertujuan menerap dan memartabatkan elemen ketamadunan Melayu dalam diri pelajar FBK, di samping memberi pendedahan tentang pengurusan sesebuah program dalam pengorganisasian. Impak daripada program ini juga dapat melahirkan pelajar dalam kemahiran berkomunikasi, membentuk kecemerlangan sahsiah diri dan mempertingkatkan kelebihan serta kemampuan pelajar dalam mengendalikan sesebuah organisasi.

Atur cara program bermula dengan gimik persembahan daripada pelajar Sarjana Muda Bahasa Melayu menerusi persembahan silat, gurindam, deklamasi puisi, peragaan busana tradisional, dan diakhiri dengan nyanyian lagu tradisional bertajuk Lemak Manis serta tayangan video montaj program. Penyampaian cenderamata pula disampaikan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, FBK.

Program ini berupaya menghasilkan pelajar yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik dan kepimpinan di samping menjadi lebih produktif, kreatif dan berinovasi bagi memenuhi elemen Hubungan Insaniah dalam Flexible Education with Soul (FlexS). Program ini juga diharapkan mampu membina keyakinan diri, minda kelas pertama dan sifat kecaknaan yang luas terhadap bidang diceburi.

Secara keseluruhannya, semua pelajar dan pengunjung berpuas hati dengan penganjuran program ini dan diharapkan ia dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

# Sembang Santai Foodtecheroes 4.0

Pada 25 Mei, *Food Science Students Association (FOSSAC)* dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Persatuan Alumni Teknologi Makanan UniSZA menganjurkan Program Sembang Santai Foodtecheroes 4.0 secara dalam talian melalui Facebook Live FOSSAC. Program ini telah disertai oleh mahasiswa Sarjana Muda Teknologi Makanan dan Sarjana Muda Pembangunan Makanan Halal serta turut terbuka kepada semua pelajar Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM).

Tema “*Once a foodtech, always be a foodtech?*” telah dipilih pada kali ini bagi memberi pendedahan kepada pelajar yang berminat untuk memilih kerjaya yang tidak berkaitan dengan bidang teknologi makanan atau untuk mencari mencari pendapatan sampingan.

Sesi perkongsian ini disampaikan oleh tiga alumni program Sarjana Muda Teknologi Makanan sebagai panel iaitu perunding takaful, Cik Halimatu Sa’adiah Ab Wahab), usahawan bakeri, Puan Noranizah Zainal Abidin dan peniaga dalam talian, Puan Nor Akmal Md Amin. Moderator bagi program ini juga merupakan alumni daripada program yang sama iaitu Encik Mohd Aiman Hamdan. Mereka dipilih daripada pelbagai bidang kerjaya untuk memberi penerangan kepada pelajar tentang peluang kerjaya lain yang boleh diceburi selain bidang industri makanan.

Penularan wabak COVID-19 telah memberikan kesan negatif terhadap ekonomi negara yang menyebabkan penurunan kadar kebolehpasaran graduan. Menurut kajian yang dijalankan oleh *Institute of Student Employers (ISE)*, pengambilan pekerja atau pasaran buruh graduan menurun sebanyak 15-29 peratus pada tahun lalu.

Oleh itu, graduan perlu merebut apa sahaja peluang kerja yang ada bagi meneruskan kelangsungan hidup. Perkembangan pesat teknologi digital pada masa kini turut mengubah pandangan generasi muda terhadap kehidupan. Generasi kini lebih mementingkan fleksibiliti dan kebebasan dalam kerjaya.




Hal ini telah mendorong graduan untuk melibatkan diri dalam “ekonomi gig” dengan menjadi *freelancer* untuk mencari wang tambahan mahupun kerja sepenuh masa, tanpa perlu bekerja secara rutin dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Perkongsian pengalaman, nasihat dan tips daripada para alumni diharap dapat meningkatkan motivasi pelajar.



# FBIM Anjur Sesi Perkongsian Dalam Industri Makanan

Pada 22 Mei yang lalu, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah menganjurkan program Sesi Perkongsian Industri secara dalam talian di platform *Facebook Live* FBIM. Program webinar ini yang bertajuk *Peluang dan Cabaran Kerjaya dalam Industri Makanan* disertai oleh pelajar Sarjana Muda Teknologi Makanan (SMTM) dan pensyarah FBIM. Matlamat utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai peluang dan cabaran kerjaya dalam industri teknologi makanan.

Pn Noor Fazyatul Fabeil telah dijemput sebagai penceramah untuk memberi penerangan mengenai prospek dan hala tuju kerjaya dalam industri makanan kepada pelajar. Beliau merupakan Ketua Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Produk di syarikat Region Food Industry Sdn. Bhd.. Berdasarkan pengalaman selama 14 tahun dalam industri, beliau memberi pendedahan dan penerangan mengenai peluang pekerjaan yang sesuai dalam sektor pemprosesan makanan, tugas dan cabaran yang dihadapi dalam kerjaya. Melalui program ini, pelajar dapat melahirkan rasa semangat dan menambah rasa minat dalam bidang yang dicebur.



## Setiausaha Kesatuan Ulama Islam Sedunia Sampaikan Syarahan Perdana di UniSZA

Satu Program Syarahan Perdana berjudul *Feqh Berkerajaan: Ke Arah Merealisasikan Masalah Ummah dan Menolak Kemudaratanya* telah diadakan di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak pada 19 Mei yang lalu.

Syarahan Perdana yang disampaikan oleh Setiausaha Kesatuan Ulama Islam Sedunia, Prof. Syeikh Dr. Ali Muhyiddin al-Qaradaghi telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) mewakili Naib Canselor (UniSZA), Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas,.

Turut hadir ialah Ahli Parlimen Kuala Nerus merangkap Penasihat Pertubuhan Ulama Malaysia (NADWAH), Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali, Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, serta Pengerusi Pertubuhan Nadwah Ulamak Malaysia (NADWAH), Ustaz Mohd Zamani Ismail yang merupakan.

Objektif utama program ini adalah untuk memastikan pandangan ulama akan terus dijadikan panduan kepada masyarakat terutamanya dalam memberi pencerahan berkaitan feqh semasa. Melalui program ini juga, penganjur dapat menghimpunkan para asatizah negara bagi membina kekuatan serta jalinan kerjasama yang erat antara satu sama lain.

Prof. Syeikh Dr. Ali Muhyiddin al-Qaradaghi dalam ucapannya menekankan kepentingan meletakkan setiap perkara pada tempatnya dengan memahami dan mempraktikkan konsep *Awlawiyyat* (mengutamakan yang lebih utama dalam melaksanakan hukum dan nilai) dalam kehidupan. Beliau turut mengingatkan bahawa setiap tindakan yang diambil perlu ditimbang dengan neraca *maslahah* (mencapai kebaikan) dan *mafsadah* (menolak keburukan) selari dengan wacana *fiqh al-Mizan* yang diketengahkan oleh beliau.



# SEJENAK BERSAMA NAIB CANSELOR



## PROF. DR. FADZLI BIN ADAM

1. **Tahniah diucapkan kepada YBrs. Prof atas lantikan sebagai Naib Canselor UniSZA yang baharu. Sebagai mukadimah, boleh YBrs. Prof kongsi sedikit latar belakang dalam dunia kerjaya akademik YBrs. Prof.?**

Kerjaya saya dalam bidang akademik bermula apabila saya pertama kali dilantik sebagai tutor di Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia pada Disember 1996. Setelah itu, khidmat saya sebagai tutor diteruskan di Unit Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia Cawangan Terengganu pada Januari 1997. Namun, secara rasmi kerjaya saya sebagai ahli akademik bermula pada 29 Julai 2001 di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Ketika itu, saya ditempatkan di Jabatan Pengajian Umum sebelum berpindah ke Jabatan Ekologi Sosial pada akhir 2002.

Bertitik tolak daripada itu, kerjaya saya berkembang dengan diberikan ruang dan kepercayaan untuk memegang beberapa jawatan pentadbiran di fakulti, antaranya sebagai Koordinator Pengajian



Siswazah Fakulti, memangku jawatan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah) di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi sebelum dilantik sebagai Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah dan Penerbitan) di fakulti yang sama untuk tempoh tiga tahun. Setelah KUSTEM dinaik taraf dan dinamakan sebagai Universiti Malaysia Terengganu, saya diberikan amanah untuk memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi selama empat tahun.

Selepas daripada itu, saya beberapa kali dilantik sebagai Ketua Jabatan antaranya ialah Jabatan Pengajian Umum serta Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Kenegaraan di Fakulti Pembangunan Sosial. Atas dorongan menyahut cabaran baharu dan mengembangkan kerjaya, saya nekad membuat keputusan untuk berpindah ke Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan memegang jawatan sebagai Pengarah Institut Penyelidikan Produk Islam dan Ketamadunan Melayu pada April 2015 sehingga Januari 2021.

Saya turut diberi kepercayaan untuk menyandang jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bermula 14 Januari 2021 di samping memegang jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) pada 5 Ogos 2021 sehingga 14 Disember 2021. Rentetan itu, saya diberikan peluang untuk memangku jawatan Naib Canselor bermula 5 September 2021 sehingga 28 Februari 2022 sebelum saya dilantik sebagai Naib Canselor UniSZA bermula 1 Mac baru-baru ini.

- 2. UniSZA mempunyai keunikan dan identitinya yang tersendiri. Justeru, pada pandangan YBr. Prof., bagaimana keunikan dan identiti ini dapat membantu UniSZA mencapai visi dan misinya agar dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan universiti-universiti terkemuka sama ada di dalam negara atau di luar negara?**

Saya melihat potensi dan kekuatan UniSZA bermula dari legasi Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang ditubuhkan sejak tahun 1980. Agenda penubuhan KUSZA merupakan antara agenda besar kerajaan negeri Terengganu dalam memartabatkan pendidikan agama di bumi Darul Iman ini. Dengan itu, KUSZA dengan penuh gah telah memahat sejarah sebagai sebuah institusi pengajian tinggi berteraskan agama yang ulung dan menjadi kebanggaan rakyat Terengganu. UniSZA seharusnya menjadi sebuah universiti awam yang berpaksi kepada ilmu agama yang diintegrasikan dengan ilmu kehidupan bagi menyerlahkan potensi dan identitinya sebagaimana asas yang telah dibina sejak zaman KUSZA. Tuntasnya, inilah identiti kita yang harus kita perkenalkan dan war-warkan kepada masyarakat di dalam mahupun di luar negara.

Melihat UniSZA pada hari ini, diversiti program pengajian ditawarkan dari pelbagai fakulti. Kepelbagaian program yang ditawarkan merangkumi bidang perubatan, sains kesihatan, bioteknologi dan pertanian, kewangan, pengurusan dan perniagaan, sains sosial dan kemanusiaan serta bidang teknologi. Identiti KUSZA yang berteraskan Pengajian Islam adalah diakui sebagai asas kekuatan UniSZA. Gabungan program pengajian KUSZA yang sedia ada dan kewujudan program pengajian baharu memberi nilai tambah kepada keunikan UniSZA dan menjadikan UniSZA sebagai sebuah universiti komprehensif yang selari dengan teras International Contemporary Islamic Civilization.

Saya percaya semua Naib Canselor terdahulu telah melakukan pelbagai usaha dalam meletakkan asas yang kukuh kepada perkembangan UniSZA. Dari tahun ke tahun, kita dapat melihat perkembangan UniSZA yang bergerak seiring dengan idea konstruktif. Usaha berterusan ini menjadikan UniSZA sebagai sebuah universiti yang sangat berpotensi tinggi untuk lebih cemerlang pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, fokus dan keutamaan ketika ini adalah untuk membawa dan meletakkan UniSZA pada kedudukan yang sepatutnya di mata dunia melalui peningkatan dalam penarafan serta ranking antarabangsa. Pengurusan Tertinggi UniSZA turut menekankan peningkatan dari aspek jaringan kerjasama dengan pihak luar termasuk institusi pengajian dan industri dari dalam dan luar negara. Usaha sebegini memberi manfaat yang sangat besar kepada UniSZA selain agenda pengantarabangsaan universiti yang turut dititikberatkan.

- 3. Terbaharu, UniSZA telah mengaplikasikan elemen Flexible Education with Soul (FlexS). Boleh YBr. Prof. terangkan keunikannya dan apakah cabaran yang dihadapi untuk melaksanakannya?**

Gagasan FlexS sebenarnya tercetus hasil daripada kebimbangan kita terhadap kesan negatif media sosial di samping perkembangan teknologi kepada modal insan pelajar yang selari dengan revolusi industri 4.0 (IR4.0). Gagasan FlexS yang dibentuk ini berasaskan konsep pembelajaran berterusan yang melalui pelbagai proses dan tahap serta perubahan masa dan tempat yang memerlukan anjakan pendekatan dan kaedah dalam pengajaran. Ia merupakan satu solusi berstrategik yang mendukung pemaparan ekosistem pembelajaran UniSZA berteraskan nilai.

Dalam konteks UniSZA, FlexS didefinisikan sebagai satu gagasan yang membantu pelajar dan pensyarah akademik mendepani corakan IR4.0 dan Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21). Ia digarap bagi menyokong

usaha melahirkan graduan holistik yang cemerlang akademik dan berjiwa luhur. Setiap pelajar dan pensyarah akademik mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran di UniSZA berdasarkan kurikulum sedia ada dengan terapan elemen pengukuhan akidah atau metafizik, pembinaan cara berfikir sahah ataupun saintifik, pembentukan sahsiah mulia, dan pengamalan budaya kerja profesional.

Tidak dinafikan, dalam mengaplikasikan elemen FlexS, terdapat cabaran yang perlu ditempuhi. Memandangkan ia merupakan satu gagasan baharu, menjadi cabaran

kepada segelintir pensyarah untuk memahami dan menghayati serta menerapkan nilai FlexS dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Cabaran lain yang mungkin dihadapi ialah kesediaan pelajar untuk menerima dan menghayati elemen ini yang akan melahirkan pelajar bercirikan nilai murni. Walau bagaimanapun, saya yakin dan percaya dengan kerjasama yang utuh daripada para pensyarah, pelajar dan seluruh warga UniSZA, matlamat gagasan FlexS ini mampu dicapai dan ia akan menjadi salah satu ciri keunikan UniSZA.



**4. Pengantarabangsaan melibatkan semua aspek universiti iaitu kurikulum, pensyarah, pelajar dan juga kakitangan sokongan. Dengan kapasiti sumber manusia sedia ada di UniSZA, apakah perancangan dan langkah yang boleh diambil oleh universiti untuk meningkatkan kekuatan UniSZA dalam aspek tersebut?**

Sepertimana yang telah saya sebut tadi, agenda pengantarabangsaan UniSZA merupakan antara salah satu agenda utama yang akan diberi perhatian oleh pengurusan UniSZA. Pada pandangan saya, ia mampu dilaksanakan dengan kapasiti dan kualiti sumber manusia yang sedia ada.

Dalam usaha meningkatkan keternampakan UniSZA di peringkat antarabangsa, kerjasama dengan institusi atau universiti di peringkat global perlu dipergiat bagi menyuburkan aktiviti pengantarabangsaan UniSZA. Kerjasama ini membuka ruang yang akan merencangkan aktiviti pemindahan ilmu dan perkongsian budaya melalui program pertukaran atau mobiliti pelajar. Selain itu, ia memberi peluang kepada penyelidik UniSZA untuk meneroka bidang penyelidikan dengan lebih luas melalui aktiviti penyelidikan bersama.

Antara usaha yang dilaksanakan, UniSZA merealisasikan penawaran program akademik di luar negara dengan kerjasama institusi pengajian antarabangsa oleh Fakulti Perubatan yang akan menawarkan program Perubatan secara francais di Medan, Indonesia dengan kerjasama Universitas Prima Indonesia. UniSZA turut menasaskan peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Pascasiswazah melalui strategi yang melibatkan kerjasama dengan beberapa pihak dan institusi luar.

Dalam aspek penyelidikan pula, UniSZA dalam usaha meningkatkan geran penyelidikan yang diperolehi daripada pihak industri dan institusi antarabangsa. Terbaharu, UniSZA berjaya menerima sebelas geran padanan dengan kerjasama dua buah universiti dari Jordan iaitu Jordan University of Science and Technology (JUST) dan Amman Arab University (AAU).

Selain itu, terdapat juga geran penyelidikan lain yang diperolehi INSPIRE melalui Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM) bagi projek penyelidikan manuskrip dan geran penyelidikan yang melibatkan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan melalui kerjasama Maybank.

Aktiviti pengantarabangsaan turut memberi manfaat kepada para pelajar melalui program mobiliti



pelajar yang melibatkan pertukaran pelajar dengan institusi antarabangsa. Sebagai contoh, melalui Memorandum Perjanjian (MoA) antara UniSZA dan Turkish Youth Foundation (TUGVA) pada 2018, beberapa siri program mobiliti pelajar telah berjaya dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak. UniSZA turut aktif dengan program pertukaran pelajar yang melibatkan beberapa buah negara seperti di Indonesia, Thailand dan negara-negara lain.

**5. Di samping aktiviti pengajaran dan pembelajaran, sesebuah universiti juga tidak dapat lari daripada aktiviti penyelidikan dan penerbitan. Bagaimanakah aspek penyelidikan dan penerbitan ini dapat terus diperkasakan dari semasa ke semasa supaya UniSZA dapat melahirkan para sarjana yang disegani dan sentiasa dirujuk berdasarkan bidang kepakaran masing-masing?**

Dalam melahirkan para penyelidik dan sarjana yang disegani dan dikenali, penyelidik UniSZA perlulah mempergiat aktiviti penyelidikan berimpak tinggi melalui penerbitan jurnal Q1 hingga Q4. Produk hasil penyelidikan yang dipaten dan dikomersialkan perlu diperbanyakkan terutama yang melibatkan kepentingan komuniti. Para penyelidik juga perlu meningkatkan usaha dan lebih terkehadapan dalam mendapatkan geran dengan kerjasama dari industri dan institusi antarabangsa. Kerancangan program kolaborasi di peringkat antarabangsa ini sudah pasti akan memberi nilai yang besar kepada penarafan QS World Ranking dari aspek reputasi akademik. Selain itu, perlantikan profesor pelawat, profesor adjung dan felo penyelidikan dari industri dan institusi antarabangsa turut menyumbang kepada pemerkasaan aktiviti penyelidikan dan penerbitan di UniSZA.

**6. Selain itu, boleh YBrs. Prof. kongsi perancangan terkini yang sedang giat dilaksanakan bagi meningkatkan kecemerlangan UniSZA dan apakah elemen atau teras kekuatan UniSZA yang boleh digilap dan ditonjolkan supaya ia menjadi satu simbol kegemilangan bagi UniSZA.**

UniSZA merupakan sebuah universiti awam yang berpotensi tinggi untuk menjadi lebih gemilang dan terbilang jika perancangan dan strategi diikuti secara betul dan tepat. Hal yang penting untuk diperhatikan adalah dalam menjadi sebuah universiti awam yang lebih gemilang, UniSZA hendaklah sentiasa melaksanakan amalan terbaik dalam governan selaras dengan doktrin yang ditetapkan oleh kerajaan.

Dalam memastikan UniSZA berdaya saing di peringkat global, usaha meningkatkan keternampakan melalui jaringan antarabangsa perlu dilipatgandakan dan diberi penekanan. Oleh yang demikian, usaha sedang digerakkan untuk mempergiat kerjasama pintar antara UniSZA dengan industri dan institusi antarabangsa dalam melonjakkan nama UniSZA. Antara usaha yang telah dimulakan ialah usaha sama dengan Oxford Centre for Islamic Studies (OXFICIS) di United Kingdom, Universitas Prima Indonesia dan Universiti Nahdlatul Ulama di Indonesia selain beberapa institusi yang berpotensi di Jordan.

Segala perancangan dalam melonjakkan nama UniSZA perlulah dibuat secara teliti dan penambahbaikan kepada pelan strategik universiti melalui Pelan Strategik Universiti (2023-2030). Hal ini menjadi fokus utama saya sebaik sahaja dilantik sebagai Naib Canselor. Saya turut meminta pihak Pusat Perancangan Strategik & Pengurusan Kualiti (SPAQM) merangka satu pelan tindakan yang bersepadu bagi memperbaiki serta melonjakkan ranking dan rating UniSZA kerana menyedari kedudukan semasa UniSZA masih boleh ditingkatkan dalam penarafan antarabangsa. Fokus lain antaranya, memastikan kemapanan kewangan UniSZA melalui alternatif penajaan hasil di samping memperkasa wakaf dan endowmen. Agenda digitalisasi juga diteruskan bagi memastikan UniSZA tidak ketinggalan dalam arus perkembangan teknologi semasa.

UniSZA amat beruntung kerana telah dapat merealisasikan impian untuk mengendalikannya hospital pengajar sendiri. Kewujudan Hospital Pengajar UniSZA dilihat mampu menaikkan nama UniSZA dan memberi manfaat kepada proses pengajaran dan pembelajaran, klinikal, perkhidmatan perubatan kepada komuniti serta penyelidikan. Hospital Pengajar UniSZA melalui Klinik Kardiologi UniSZA turut menjalinkan kerjasama dengan Institut Jantung Negara (IJN) yang bakal memberi manfaat besar kepada warga UniSZA dan komuniti.

Harapan saya agar semua individu, pusat tanggungjawab serta pelajar dapat memberi sokongan, kerjasama dan sumbangan yang lebih ke arah melonjakkan UniSZA di persada dunia. Sebagai keluarga UniSZA, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memberikan komitmen yang terbaik dalam skop tugas masing-masing bagi memastikan UniSZA berdiri sama tinggi dan mampu bersaing dengan institusi lain di peringkat antarabangsa.

# Menyingkap Sejarah Anak Bulan Syawal 1443H

Ahmad Najmuddin Zulkeflee  
Ahmad Taufan Abd Rashid  
Ahmad Ezzuddin Mohamad  
Roslan Umar (Phd)

Emel: [roslan@unisza.edu.my](mailto:roslan@unisza.edu.my)

Tahun 2022 mencatat satu sejarah apabila 1 Syawal 1443H jatuh pada 2 Mei dan bukannya 3 Mei seperti yang tertera di dalam takwim. Persoalannya, bagaimana Perkara Ini Boleh Berlaku?

## Pengenalan Kriteria Imkanur Rukyah (KIR)

Dalam penentuan takwim hijri terdapat empat kaedah penentuan awal bulan hijri. Takwim hijri hakiki adalah berdasarkan fenomena ijtimak (*conjunction*) iaitu ketika matahari, bulan dan bumi berkedudukan sebaris. Takwim *istilahi* merujuk kepada pusingan lengkap peredaran bulan mengelilingi bumi (dalam satu bulan) adalah 29.53059 hari (jumlah hari takwim ini 29 atau 30 hari). Takwim *wujudul hilal* pula disusun berdasarkan sistem ijtimak, tetapi penentuan awal bulan dikira mengikut kewujudan *hilal* di atas ufuk ketika matahari terbenam). Di Malaysia, kaedah *imkanur rukyah* iaitu kemungkinan kebolehnampakan anak bulan digunakan. Kaedah komposit ini terdiri daripada dua perkara iaitu rukyah (cerapan) dan hisab (kiraan). Kaedah ini mempunyai beberapa kriteria yang dipanggil sebagai Kriteria Imkanur Rukyah (KIR). KIR yang ditetapkan ialah anak bulan dikira kelihatan sekiranya, ketika matahari terbenam pada hari ke-29 (hari rukyah/hari cerapan), ia berada pada kedudukan tidak kurang daripada  $3^\circ$  altitud (ketinggian) dari ufuk dan  $6.4^\circ$  sudut elongasi (jarak lengkung bulan ke matahari). Syarat ini baru sahaja diperkenalkan pada bulan Muharram 1443H yang lalu menggantikan syarat lama iaitu anak bulan dikira kelihatan sekiranya berada pada kedudukan tidak kurang daripada  $2^\circ$  altitud dari ufuk dan  $3^\circ$  sudut elongasi atau umur anak bulan tidak kurang dari lapan jam selepas ijtimak. Syarat KIR yang baharu ini tidak lagi menerima umur anak bulan sebagai kriteria.

## Data Anak Bulan Syawal 1443H

Di Malaysia, data anak bulan dari Tanjung Cincin Langkawi dijadikan sebagai rujukan. Hal ini demikian kerana Tanjung Cincin ialah lokasi paling barat ataupun lokasi terakhir matahari terbenam di langit Malaysia. Data

**Cerapan Hilal Syawal 1443H**

1 Mei 2022 | 29 Ramadan 1443H | Balai Cerap KUSZA

Latitud:  $5^\circ 32' 10''$  U | Longitud:  $102^\circ 56' 55''$  T

**Kriteria Imkanur Rukyah (KIR)**

Hilal dianggap boleh kelihatan sekiranya ketika matahari terbenam, altitud (ketinggian) bulan tidak kurang dari  $3^\circ$  dari ufuk dan sudut elongasi (jarak lengkung) bulan ke matahari tidak kurang dari  $6.4^\circ$ .

**Data Hilal Syawal 1443H**

Elongasi:  $5.53^\circ$  ( $5^\circ 31'$ )      Altitud:  $5.14^\circ$  ( $5^\circ 08'$ )

Data hilal pada 1 Mei 2022 adalah tidak memenuhi syarat Kriteria Imkanur Rukyah, maka kenampakan hilal dijangkakan tidak kelihatan di lokasi Balai Cerap KUSZA. Walaubagaimanapun, tarikh 1 Syawal 1443H tertakluk kepada perisytiharan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Sumber: [appfalak.com](http://appfalak.com)

[eseri.unisza.edu.my](http://eseri.unisza.edu.my)    Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur - ESERI    ESERI Official





anak bulan Syawal 1443H pada hari cerapan iaitu 29 Ramadan 1443H atau 1 Mei 2022 yang lalu menunjukkan bahawa altitud bulan berada pada kedudukan  $5^{\circ} 27''$  dari ufuk dan  $5^{\circ} 57''$  sudut elongasi bulan ke matahari. Ini menunjukkan bahawa data tersebut tidak memenuhi KIR iaitu anak bulan dikira boleh kelihatan sekiranya berkedudukan tidak kurang daripada  $3^{\circ}$  altitud dari ufuk dan  $6.4^{\circ}$  sudut elongasi bulan ke Matahari. Disebabkan inilah di dalam takwim tertera 1 Syawal 1443H jatuh pada 3 Mei 2022. Walau bagaimanapun, kenampakan anak bulan tidak mustahil untuk berlaku sekiranya langit dalam keadaan yang baik ketika cerapan.

### Bagaimana Hari Raya Boleh Jatuh Pada 2 Mei 2022?

Setelah diperkenankan oleh Yang Di Pertuan Agong, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja telah mengumumkan bahawa tarikh 1 Syawal 1443H jatuh pada 2 Mei 2022. Perubahan tarikh ini berlaku apabila salah satu lokasi daripada 29 lokasi cerapan anak bulan di Malaysia iaitu Labuan melaporkan bahawa anak bulan kelihatan. Jadi, apabila anak bulan kelihatan melalui rukyah, maka KIR diketepikan walaupun KIR menunjukkan anak tidak boleh kelihatan. Perkara ini secara jelas menunjukkan bahawa di Malaysia kita tidak menggunakan hisab semata-mata dalam penentuan awal bulan Hijrah tetapi rukyah boleh mengatasi hisab dan ia bukan hanya sebagai satu formaliti sahaja.

### Proses Penentuan Awal Bulan Hijrah di Malaysia

Di Malaysia, proses penentuan awal bulan Hijrah yang diamalkan adalah seperti carta alir yang berikut:



Kesimpulannya, untuk penentuan awal bulan Hijrah di Malaysia, rukyah dan hisab saling bergandingan antara satu sama lain. Kiraan anak bulan yang dilakukan dibuktikan dengan hasil cerapan terlebih dahulu oleh pakar-pakar falak dan bukannya mengikut hisab semata-mata. Jadi, rakyat Malaysia perlu menghormati proses penentuan awal bulan Hijrah yang telah ditetapkan. Akhir sekali, apapun keputusan berkenaan tarikh awal bulan Hijrah di Malaysia pada masa akan datang, ikutlah keputusan yang diumumkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja hasil perkenan Yang Di Pertuan Agong.

### Rujukan

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2019. *Garis Panduan Cerapan Hilal*. Putrajaya.
- Zainuddin, M. Z., & Mohd Nawawi, M. S. A. 2021. Kriteria Imkanur Rukyah yang Baru 1443 Hijrah. *Webinar Falak Nusantara 1443H (Bulan Falak Malaysia)*.
- Hussin, S. A. 2022. Meriahnya Raya 1443H/2022. <https://jurufalak.com/2022/04/27/meriahnya-raya-1443h-2022/>.
- Abd Rashid, A. T. 2022. Kalkulator Posisi Hilal. <https://www.appfalak.com/index2.php?name=hilal>.
- Yussof, W. N. J. H. W., Man, M., Umar, R., Zulkeflee, A. N., Awalludin, E. A., & Ahmad, N. 2022. Enhancing moon crescent visibility using contrast-limited adaptive histogram equalization and bilateral filtering techniques. *Journal of Telecommunications and Information Technology*, (1): 3-13.

# Exercise interventions in *Diabetes Mellitus*

Narësh Bhaskar Raj, PhD  
Emel: bnarësh@unisza.edu.my



Diabetes is a chronic, metabolic disease characterized by elevated levels of blood glucose (or blood sugar), which leads over time to serious damage to the heart, blood vessels, eyes, kidneys and nerves (World Health Organization, 2016). The body's inefficient use of insulin causes Type 2 diabetes, also known as non-insulin-dependent or adult-onset. This particular type of diabetes is primarily brought on by increased body weight and inactivity. Deficient insulin production is a hallmark of type 1 diabetes, sometimes referred to as insulin-dependent, juvenile, or childhood-onset, which necessitates daily insulin therapy. Hyperglycaemia

during pregnancy occurs when blood glucose levels are above normal but below those that are indicative of diabetes. During pregnancy, gestational diabetes can develop. Between normalcy and diabetes, there are two intermediary conditions: impaired glucose tolerance (IGT) and impaired fasting glycaemia (IFG). People with IGT or IFG are at a significant risk of developing type 2 diabetes. Diabetes prevalence has increased significantly over the past few decades in both industrialised and developing nations, and it is now a major global health concern. The 9th International Diabetes Federation (IDF) estimates that around 463 million adults between the ages of 20 and 79 have diabetes, with the number expected to reach 700 million by the year 2045 (Saeedi *et.al*, 2019). Furthermore, 374 million individuals are at an elevated risk of acquiring type 2 diabetes mellitus (T2DM), and 79 percent of them reside in low- and middle-income nations, the majority of which have an increasing number of T2DM patients. The prevalence of diabetes has risen to 18.3 percent in Malaysia, which translates to 3.9 million Malaysians, or around 1 in 5 Malaysian people, having the disease (Ministry of Health, Malaysia, 2019). Heart attacks and strokes are two- to three-fold more likely to occur in adults with diabetes. Neuropathy (nerve damage) in the feet raises the risk of foot ulcers, infection, and ultimately the requirement for limb amputation when combined with diminished blood flow. A significant contributor to blindness, diabetic retinopathy is brought on by cumulative long-term harm to the retina's tiny blood vessels. Diabetes causes over a million individuals to go blind. One of the main reasons of kidney failure is diabetes. Exercise is a type of physical activity that is planned and structured, whereas physical activity encompasses all movement that boosts energy use. Exercise improves type 2 diabetes blood glucose control, lowers cardiovascular risk factors, aids in weight loss, and enhances wellbeing. Regular exercise may halt or delay the onset of type 2 diabetes. People with type 1 diabetes can greatly benefit from regular exercise in terms of their health (e.g., enhanced cardiovascular fitness, muscle strength, insulin sensitivity, etc).

## **Types of Exercise and Physical Activity**

Large muscular groups are repeatedly and continuously moved during aerobic activity (Physical Activity Guidelines Advisory Committee Report, 2008). Walking, cycling, jogging, and swimming are examples of activities that predominantly rely on aerobic energy-producing systems. Exercises using free weights, weight machines, your own body weight, or elastic resistance bands are all considered to be resistance (strength)



training. Exercises to increase flexibility increase joint range of motion (Herriott, Colberg, Parson, Nunnold & Vinik, 2004). Balance training improves gait and reduces falls (Morrison, Colberg, Mariano, Parson, Vinik, 2010).

### **Aerobic**

Aerobic exercise boosts cardiorespiratory fitness, reduces insulin resistance, and enhances lipid levels and endothelial function in people with type 1 diabetes (Chimen *et. al*, 2021). Regular exercise lowers A1C, lipids, blood pressure, and insulin resistance in people with type 2 diabetes (Snowling & Hopkins 2006). High-intensity interval training (HIIT) on the other hand encourages rapid improvement of skeletal muscle oxidative capacity, insulin sensitivity, and glycaemic management in individuals with type 2 diabetes (Jellyman *et.al*, 2015; Little *et.al*, 1985).

### **Resistance training**

Improvements in muscle mass, body composition, strength, physical function, mental health, bone mineral density, insulin sensitivity, blood pressure, lipid profiles, and cardiovascular health are among the health benefits of resistance training for all adults (Garber *et.al*, 2011). Resistance training can help type 1 diabetics reduce their risk of exercise-induced hypoglycaemia (Yardley *et.al*, 2013).

### **Flexibility and Balance**

Exercises for flexibility and balance are probably crucial for elderly diabetics. The production of advanced glycation end products, which build up throughout normal ageing and are increased by hyperglycaemia, is a common cause of limited joint mobility (Abate, Schiavone, Pelotti & Salini, 2010).

### **Recommendations**

Exercise should be performed every day, or at the very least, no more than two days should pass between workouts, to improve insulin activity.

For the best glycaemic and health outcomes, adults with type 2 diabetes should ideally engage in both aerobic and resistance exercise training.

To prevent or delay the onset of type 2 diabetes in populations at high risk and with prediabetes, structured lifestyle interventions that involve at least 150 minutes per week of physical activity and dietary changes leading to weight loss of 5–7% are advised.

Flexibility training and balance training are recommended 2–3 times/week for older adults with diabetes.

### **Research**

Based on the literatures, a research team comprising of lecturers from School of Health Science USM, conducted a trial on differential exercise intervention programs in individuals with type 2 diabetes mellitus in Kelantan, Malaysia (Sultana *et.al*, 2018). This research was conducted for 28 weeks consisting of 14 weeks of intervention and 14 weeks of follow up without any intervention. It was observed that a combined exercise program of aerobic and resistance training was beneficial. Another research team comprising of lecturers from the Faculty of Medicine and the Faculty of Health sciences, UniSZA, have come out with a Malaysia Diabetes Prevention Programme (MyDiPP) (Fauzi, *et.al*, 2021) a lifestyle intervention digital therapy that involves a holistic approach in the prevention of diabetes among Malaysians. This prevention programme was conducted from 2019-2021. The intervention programme was provided through mobile applications with the guidance of



experts in various fields. The programme was beneficial for all the participants involved in the intervention programme.

### References

- Abate, M., Schiavone, C., Pelotti, P., & Salini, V. 2010. Limited joint mobility in diabetes and ageing: recent advances in pathogenesis and therapy. *International Journal of Immunopathology and Pharmacology* 23: 997-1003.
- Chimen, M., Kennedy, A., Nirantharakumar, K., Pang, T. T., Andrews, R., & Narendran, P. 2012. What are the health benefits of physical activity in type 1 diabetes mellitus? A literature review. *Diabetologia* 55: 542-551.
- Garber, C. E., Blissmer, B., Deschenes, M. R., Franklin, B. A., Lamonte, M. J., Lee, I. M., & Swain, D. P. 2011. Quantity and quality of exercise for developing and maintaining cardiorespiratory, musculoskeletal, and neuromotor fitness in apparently healthy adults: guidance for prescribing exercise. *Med Sci Sports Exerc* 43: 1334–1359.
- Herriott, M. T., Colberg, S. R., Parson, H. K., Nunnold, T., & Vinik, A. I. 2004. Effects of 8 weeks of flexibility and resistance training in older adults with type 2 diabetes. *Diabetes Care* 27: 2988-2989.
- Jelleyman, C., Yates, T., O'Donovan, G., Gray, L. J., King, J. A., Khunti, K., & Davies, M. J. 2015. The effects of high-intensity interval training on glucose regulation and insulin resistance: a meta-analysis. *Obesity Reviews* 16: 942-961.
- Little, J. P., Gillen, J. B., Percival, M. E., Safdar, A., Tarnopolsky, M. A., Punthakee, Z., & Gibala, M. J. 2011. Low-volume high-intensity interval training reduces hyperglycemia and increases muscle mitochondrial capacity in patients with type 2 diabetes. *Journal of Applied Physiology* 111: 1554-1560.
- Mohd Fauzi, N. F. ., Wafa, S. W. ., Abdullah, M. I., Raj, N. B., Mohd Yusof, B. N., Abdul Rawi, N., & Mat Hassan, N. 2021. Evaluation of usability of Malaysia Diabetes Prevention Program (Mydipp) Mobile App – A pilot study. *Malaysian Applied Biology* 50: 135–144.
- Morrison, S., Colberg, S. R., Mariano, M., Parson, H. K., & Vinik, A. I. 2010. Balance training reduces falls risk in older individuals with type 2 diabetes. *Diabetes Care* 33: 748-750.
- Naresh Bhaskar, R., Faria, S., Srilekha, S., & Soumendra, S. 2018. Exercise interventions to reduce the level of hba1c for efficient and effective management of type 2 diabetes mellitus: A systematic review and meta analysis. *International Journal of Life Science and Pharma Research* 1(SI): 29-45.
- Physical Activity Guidelines Advisory Committee 2008. *Physical Activity Guidelines Advisory Committee Report*. Washington, DC, U.S. Department of Health and Human Services, 2008: 683.
- Retrieved from [https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Rujukan/NCD/Diabetes/National\\_Diabetes\\_Registry\\_Report\\_2013-2019\\_26082021.pdf](https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Rujukan/NCD/Diabetes/National_Diabetes_Registry_Report_2013-2019_26082021.pdf)
- Saeedi, P., Petersohn, I., Salpea, P., Malanda, B., Karuranga, S., Unwin, N., Colagiuri, S., Guariguata, L., Motala, A. A., Ogurtsova, K., Shaw, J. E., Bright, D., Williams, R., & IDF Diabetes Atlas Committee. 2019. Global and regional diabetes prevalence estimates for 2019 and projections for 2030 and 2045: Results from the International Diabetes Federation Diabetes Atlas, 9th edition. *Diabetes Research and Clinical Practice* 157: 107843.
- Snowling, N. J., & Hopkins, W. G. 2006. Effects of different modes of exercise training on glucose control and risk factors for complications in type 2 diabetic patients: A meta-analysis. *Diabetes Care* 29: 2518-2527.
- World Health Organization. 2016. Global report on diabetes. World Health Organization.
- Yardley, J. E., Kenny, G. P., Perkins, B. A., Riddell, M. C., Balaa, N., Malcolm, J., ... & Sigal, R. J. 2013. Resistance versus aerobic exercise: acute effects on glycemia in type 1 diabetes. *Diabetes Care*: 36: 537-542.



# AKF 2021 DAN MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI FKI

Anugerah Kecemerlangan FKI (AKF 2021) yang telah berlangsung pada 26 Mei adalah antara aktiviti Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) bagi meraikan kejayaan warganya. Anugerah ini diberikan kepada staf pentadbiran, pensyarah dan juga pelajar sebagai penghargaan dan pengiktirafan setelah menunjukkan prestasi terbaik dalam kerjaya mereka.

Majlis yang diadakan di Dewan Al-Muktafi Billah Shah telah dirasmikan oleh Dekan FKI, Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. Seramai 30 orang penerima telah dipilih menerima anugerah kecemerlangan ini. Anugerah ini dibahagikan kepada tujuh Anugerah Kecemerlangan Staf Akademik dan Pelaksana FKI 2021 dan 23 Anugerah Kecemerlangan Akademik Mahasiswa FKI 2021. Kejayaan yang dicapai oleh penerima anugerah memberi sedikit sebanyak inspirasi dan dorongan kepada semua yang hadir agar sentiasa memberikan yang terbaik dalam apa jua bidang yang diceburi.

Dalam masa yang sama, Majlis Sambutan Aidilfitri FKI turut diadakan. Pelbagai juadah seperti sate, ketupat dan kuih-muih dihidangkan kepada tetamu. Majlis ini dimeriahkan dengan kehadiran mantan staf FKI yang telah bersara dan ditugaskan ke Pusat Tanggungjawab lain, pensyarah, staf pentadbiran dan pelajar FKI.

Ternyata, manfaat daripada kedua-dua program ini dapat mengikat kembali ikatan ukhwaah warga FKI yang sudah lama tidak bersua ekoran pandemik COVID-19.



# CBMVIO©

## BERPOTENSI HALANG JANGKITAN SALUR PERNAFASAN

Kumpulan penyelidik Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) diketuai oleh Dr. Nadiawati Alias bersama pelajar pasca siswazah, Gogula Selvi Asang dan Shadariah Mamat telah membangunkan CBMVio© sebagai bio-inhibitor profilaksis yang berpotensi untuk merawat jangkitan kuman pada sistem pernafasan.

Produk ini telah memenangi pingat emas semasa Minggu Penyelidikan dan Inovasi 2022 yang diadakan pada 22-23 Mei di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak, Terengganu.

CBMVio© mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti reseptor khusus pada permukaan sel mamalia pada afiniti yang agak tinggi dan ini merupakan strategi utama dalam menghalang perlekatan patogen pada reseptor di permukaan sel.

Produk ini telah melepasi peringkat asas apabila pembentukan molekul rekombinan telah berjaya dibina dan pencirian biokimia telah dilakukan dalam sistem *Escherichia coli*. Molekul inovatif ini bertindak dengan menutup reseptor *glycan* pada saluran pernafasan. Tindakan ini dapat menghalang perlekatan dan kemasukan virus secara terus ke dalam sel. Molekul biologi ini berpotensi untuk merevolusikan rawatan jangkitan saluran pernafasan dengan memberikan perlindungan mutlak terhadap serangan virus.

Namun begitu, produk ini masih dalam fasa uji kaji dan memerlukan kajian yang lebih mendalam. Pihak FBIM juga mengalu-alukan sebarang kerjasama dengan syarikat farmaseutikal bioteknologi di Malaysia yang berpotensi bagi membantu membawa produk inovasi ini keluar.





# MINGGU PENYELIDIKAN DAN INOVASI 2022 (MPI '22)

Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM), telah menganjurkan Minggu Penyelidikan dan Inovasi 2022 (MPI '22) pada 22 dan 23 Mei di Dewan Al-Mukhtafi Billah Shah (DABS), UniSZA.

MPI '22 merupakan acara yang mempertandingkan produk penyelidikan dan inovasi yang dianjurkan secara bersama antara UniSZA, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Kolej Universiti TATI (UCTATI). Penyertaan dibuka kepada Institusi

Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), peringkat sekolah dan juga industri.

MPI '22 telah menerima sebanyak 348 penyertaan dan hasil daripada penyertaan tersebut, UniSZA telah memperoleh 33 pingat emas, 48 pingat perak dan 25 pingat gangsa. Wakil penyelidik daripada UniSZA yang diketuai oleh Dr. Nor Asiah Muhamad Nor dengan kolaborasi bersama penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) telah memperoleh Hadiah Utama bagi produk Bunga Kantan Flakes.



Majlis Penutup Minggu Penyelidikan dan Inovasi (MPI '22) yang diadakan pada 23 Mei dan telah disempurnakan oleh Menteri Besar Terengganu YAB Dato Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar di Dewan Al-Mukhtafi Billah Shah (DABS). Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas mewakili Naib Canselor; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Prof. ChM. Dr. Marinah Mohd Ariffin; serta Timbalan Rektor UCTATI, Prof. Madya Ts. Dr. Rosliza Ramli.

# PENANAMAN SAYURAN DI TAMAN MINI BOTANI

Majlis Kolej Kediaman (MKK) merupakan sebuah persatuan di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) yang diuruskan oleh Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar (KKKP).

Fasa Pandemik COVID-19 yang lalu menyukarkan MKK dalam menguruskan Taman Mini Botani di Kolej Kediaman. Justeru, pada awal tahun ini, dengan bantuan pihak pengurusan KKKP, Felo Kolej Kediaman dan ahli MKK Taman Mini Botani diusahakan

semula dengan menanam pelbagai jenis sayuran seperti lada, sawi, kacang bendi, terung dan kangkung.

Sayur-sayuran ini dijual kepada pihak pengusaha kafeteria, pekerja pembersihan dan staf UniSZA. Usaha penanaman ini membantu MKK meningkatkan ilmu dalam bidang pertanian dan keusahawan. Secara tidak langsung ia juga dapat meningkatkan keyakinan diri untuk menjayakan sesebuah program.





# PENSYARAH PUSPA TERIMA GERAN SEPADAN RM84 RIBU

Pensyarah Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA, (PUSPA), Dr. Siti Norziahidayu Amzee Zamri telah di anugerahkan Geran Sepadan bagi projek kerjasama penyelidikan oleh Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM) bertajuk *Classification of the Triaxial Template*



*Patterns of Tudung Saji Weaving into Some Finite Matrix Rings and Their Energy Graphs*. Syarat geran padanan ini ialah projek penyelidikan yang mesti melibatkan kerjasama antara UniSZA dengan sekurang-kurangnya tiga lagi entiti sama ada universiti awam, universiti swasta, industri atau agensi lain dari dalam atau luar negara.

Kajian ini melibatkan bidang *Etnomatematik* iaitu satu bidang pengajian yang mengaitkan matematik dengan seni. Sebelum ini corak tenunan tudung saji telah dipersembahkan dalam corak templat triaksial iaitu tudung saji dianyam dengan menggunakan teknik khusus yang dipanggil anyaman triaksial, iaitu untaian dianyam dari tiga arah.

Pada tahun 2015, hubungan antara templat triaksial corak tenunan tudung saji dengan beberapa unsur terhitung teori kumpulan telah ditentukan. Namun, perkaitan antara corak ini dengan teori gelang tidak ditemui. Sehubungan itu, penyelidikan ini bertujuan mengklasifikasikan corak templat triaksial anyaman tudung saji sebagai gelang matriks, untuk membina graf gelang matriks bagi corak templat triaksial, untuk menentukan tenaga graf berdasarkan nilai eigen matriks bersebelahan gelang tersebut. Akhirnya algoritma Maple untuk pembinaan graf bagi gelang matriks akan dibangunkan.

Bagi melaksanakan kajian ini, UniSZA telah menandatangani Memorandum Perjanjian dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) akan diketuai oleh Dr. Siti Norziahidayu Amzee Zamri (pensyarah PUSPA) bersama tiga rakan penyelidik lain iaitu Dr. Muhammad Azrin Ahmad (UMP), Dr. Hazzirah Izzati Mat Hussain penyelidikan sebanyak RM84,000.00. Tarikh penyelidikan bermula pada 1 April 2021 sehingga 31 Mac 2023.



# PUSPA STUDENTS EXCEL ONCE AGAIN AT MTE 2022

UniSZA Science and Medicine Foundation Centre (PUSPA) students recreated the success achieved during last year's MTE 2021 by winning one gold, one silver, and one bronze medal for the Asian Youth Innovation Award at the Malaysian Technology Expo (MTE) 2022 held from 21-25 March.

MTE 2022, which was held virtually, brought together over 8,014 local and international visitors. Participants came from those interested in creating innovations in various fields especially Science, Technology, Engineering, and Mathematics (STEM). Participation was open to not just Malaysians but also those from other countries such as Indonesia, Vietnam, and Iran to name a few.

The three projects developed by PUSPA students were Periodic Table Game (Education Technology and Pedagogy), Tri-Physiotherapy for fingers (Healthcare, Personal Care Technology, Biotechnology and Life Sciences) and Smart Quito Lamp (Social Innovations & Entrepreneur Management). The gold medal was won by the Periodic Table Game which is an educational game aiming to help students familiarise themselves with the periodic table, and to know how to place element positions on the table using the atomic number without having to memorise them. This game also has a QR code which can be scanned by students to learn how electronic configuration is derived from the periodic table.

The director of PUSPA, Assoc. Prof. Dr. Sharifah Wajihah Wafa binti Syed Saadun Tarek Wafa said that the foundation programme which began in 2014 has produced students who not only excel in academics but are able to invent products and compete internationally. She expressed her gratitude to PUSPA students for their effort, devotion, and hard work. The ideas contributed have raised the name of the UniSZA Science and Medicine Foundation Centre at the international level.



## Ziarah dan Sumbangan Mangsa Kebakaran Rumah Alumni FIK UNISZA

Dekan Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), Prof. Madya. Dr. Ahmad Nazari Mohd Rose telah menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga mangsa kebakaran Saudari Nurul Nadia Nabilah Mohd Mazlan pada 11 Mei di Machang, Kelantan. Mangsa merupakan Alumni FIK, UniSZA Kampus Besut. Turut hadir dalam ziarah dan sumbangan tersebut ialah Timbalan Dekan (HEPA) FIK, Dr. Wan Mohd Rizhan Wan Idris; Staf FIK dan wakil Persatuan Mahasiswa FIK. Sumbangan yang diberikan itu adalah kerjasama antara Pusat Alumni UniSZA, Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA) dan Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PAKAT). Semoga dengan sedikit sumbangan yang diberikan dapat meringankan beban mangsa dan keluarga, terima kasih kami ucapkan kepada semua pihak yang memberikan sumbangan.





# Program Sarjana Sains (NEC 541 Pemprosesan Makanan) FBIM Lulus Akreditasi Penuh

Lawatan penilaian akreditasi penuh program Sarjana Sains (NEC 541 Pemprosesan Makanan) oleh pihak *Malaysian Qualification Agency* (MQA) telah dijalankan secara maya (MQAVA) pada 23 dan 24 Mac. Penilaian audit maya ini melibatkan pelbagai pihak termasuk Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM), Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Sistem Kualiti (SPAQM), Perpustakaan, Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC), Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (COMAEI) serta pelajar-pelajar siswazah dari program tersebut. Hasil daripada penilaian ini, pihak MQA telah mengeluarkan pernyataan pada 26 April bahawa program ini telah mendapat kelulusan akreditasi penuh.

Program Sarjana Sains (NEC 541 Pemprosesan Makanan) ini adalah salah satu program yang telah ditawarkan di FBIM, UniSZA sejak Semester 2 Sesi 2007/2008. Program ini merupakan program penyelidikan secara sepenuh masa (maksimum empat tahun) dan separuh masa (maksimum lima tahun) yang boleh dipohon mengikut syarat yang telah ditetapkan. Program ini menekankan prinsip dan konsep sains kimia, fizik, mikrobiologi dan kejuruteraan untuk digunakan bagi memilih, mereka bentuk, memproses, menganalisis, membungkus, menilai dan menyimpan produk makanan dan minuman. Antara bidang kajian yang ditawarkan di bawah program

ini ialah *Food Processing and Technology, Flour Technology and Baking Science, Confectionery Science, Microencapsulation and Powder Technology* dan lain-lain. Program ini melibatkan 15 orang staf akademik yang mempunyai kepakaran berkaitan dengan bidang pemprosesan makanan.

Program ini dapat menyediakan tenaga mahir dalam bidang penyelidikan dan teknologi penghasilan makanan yang mampu diserap terus ke dalam industri makanan tanpa sebarang latihan tambahan. Graduan juga mempunyai pendedahan yang cukup bagi membolehkan mereka memulakan perniagaan sendiri. Kelulusan akreditasi penuh ini diharap dapat meningkatkan lagi bilangan pelajar bagi program ini serta menyumbang kepada perkembangan penyelidikan dan industri makanan di negara kita.



# UNISSA 'BORONG'

## 67 JUDUL BUKU PENERBIT UNISZA DI PBAKL 2022



'Buku ialah jendela kehidupan'. Ungkapan ini menjelaskan betapa pentingnya budaya membaca kerana ia mampu mengubah dunia. Selari dengan itu, pengumuman Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) menjadikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) adalah tepat. Namun begitu, wabak pandemik COVID-19 telah mengakibatkan beberapa aktiviti terbatal termasuklah Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL).

Setelah dua tahun berlalu, PBAKL 2022 kembali merencanakan industri perbukuan negara dan menjadi perkhabaran gembira kepada "ulat buku". PBAKL yang menyasarkan satu juta pengunjung ini telah berlangsung selama sepuluh hari bermula pada 3-12 Jun di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur. Lebih meriah lagi, PBAKL kali ini turut dianjurkan secara dalam talian bagi memberi ruang kepada setiap lapisan masyarakat untuk menyertai acara berkenaan. Selain kunjungan daripada orang awam yang tidak putus-putus, reruai Penerbit UniSZA turut menerima kunjungan istimewa daripada YB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan isteri serta YB Maszlee Malik.

Menarik dan julung kalinya, buku-buku terbitan Penerbit UniSZA turut 'diborong' oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam, selain buku-buku terbitan lapan lagi penerbit universiti di bawah naungan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). Berada di tangga ketiga selepas Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK) (100 judul) dan Penerbit Universiti Malaysia Sabah (UMS) (80 judul), sebanyak 67 judul buku-buku terbitan Penerbit UniSZA telah dibeli oleh UNISSA. Ini merupakan satu perkembangan yang amat baik kerana buku-buku tempatan, khususnya terbitan Penerbit UniSZA mula mendapat tempat dalam kalangan Negara ASEAN.

Secara keseluruhannya, Penerbit UniSZA berjaya memperoleh jualan keseluruhan sebanyak RM13,009.00 sepanjang penglibatan di PBAKL. Ini merupakan kutipan yang memberangsangkan dengan penghasilan pelbagai judul baharu di samping keberkesanan dalam strategi pemasaran. Antara judul yang mendapat perhatian pengunjung ialah Pembangunan Perisian Multimedia untuk Kanak-Kanak Pra Sekolah; Undang-undang Wasiat Wajibah di Malaysia dan di Beberapa Negara Islam; Sistem Kekeluargaan Islam dan Amalannya di Malaysia; dan Pemikiran Al-Ghazali dalam Amar Makruf Nahi Mungkar.

Bagi merencanakan lagi promosi dan aktiviti perbukuan ketika PBAKL berlangsung, Penerbit UniSZA turut menyertai Slot Republika Merah, iaitu Program Bicara Buku dengan menampilkan penulis bagi buku berjudul *Maqasid al-Shari'ah in Islamic Finance Theory and Application*. Buku ini menjelaskan konsep Maqasid al-Shariah dan aplikasinya dalam kewangan Islam dengan membincangkan secara mendalam berdasarkan amalan kewangan semasa dalam industri khususnya di Malaysia.

PBAKL 2022 dilihat sebagai satu titik tolak untuk menyemarakkan lagi industri perbukuan negara serta memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Oleh itu, penyertaan tahunan Penerbit UniSZA adalah satu kemestian dalam menjadikan buku sebagai satu keperluan, simbol pendidikan dan budaya negara.



# KERJASAMA PENYELIDIKAN FBIM BERSAMA BORNEO EMPURAU FARM



Satu perjumpaan kerjasama penyelidikan antara Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) UniSZA bersama Borneo Empurau Farm (BEF) telah diadakan pada 13 Mei di Serian, Sarawak. Pihak FBIM telah diwakili oleh Dekan FBIM, Prof. Madya Ts. Dr. Khamsah Suryati Mohd; Timbalan Dekan Penyelidikan, Prof. Madya Dr. Connie Fay Komilus; Ketua Unit Hatcheri Akuatik, Dr. Ha Hou Chew; Pengarah Ladang, Encik Mohd Rohaizad Md Rejab. Pertemuan pada hari tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi BEF, Dato' Yong Fook Heng, diikuti dengan pembentangan daripada kedua-dua pihak, sesi perbincangan lanjut dan diakhiri dengan ucapan penutup.

Hasil perbincangan telah berjaya mencapai kata sepakat untuk menjalankan kerjasama penyelidikan dan pembangunan. Antara jalinan kerjasama yang telah dipersetujui antara kedua-dua belah pihak ialah makanan dan pemakanan Empurau, asuhan benih bagi Empurau, kepelbagaian genetik, kualiti air, pengurusan perosak bagi akuaponik, pembangunan produk Empurau serta pembangunan produk lebah kelulut. Selain itu, FBIM juga akan menjalinkan kerjasama bersama BEF dalam menjalankan pengurusan ekosistem yang mampan bersama komuniti setempat di kejiranan BEF. Jalinan kerjasama antara UniSZA dengan BEF ini berupaya membangunkan lagi industri Empurau di Malaysia.



## PROGRAM INFAQ AIDILFITRI BERSAMA STAF PEMBERSIHAN

Pada 25 April, Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah mengadakan Program Infaq Aidilfitri bersama staf pembersihan yang telah menyumbang bakti demi memastikan Blok FIK sentiasa berada dalam keadaan kemas dan bersih demi keselesaan staf dan pelajar.

Selain wang tunai, FIK turut menyumbang kuih raya bagi meringankan beban mereka untuk menyambut Aidilfitri yang bakal tiba. Program ini bertujuan merapatkan hubungan silaturahim antara staf FIK dengan staf pembersihan dan tukang kebun yang berada di sekitar Blok D.



Majlis ini disempurnakan oleh Dekan FIK, Prof. Madya Dr. Ahmad Nazari Mohd Rose. Turut hadir menyenikan majlis ialah Timbalan Dekan (Akademik dan Siswazah), Dr. Wan Suryani Wan Awang dan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Dr. Wan Mohd Rizhan Wan Idris, para pensyarah dan kakitangan pentadbiran FIK.

# PROGRAM SEKOLAH ANGKAT: TEROKAI STEM MELALUI UniSZA

Keperluan terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) wujud apabila negara memerlukan tenaga kerja mahir, berkualiti dan produktif dalam bidang tersebut. Walau bagaimanapun, statistik pada tahun 2020 menyatakan bahawa hanya 19 peratus daripada calon Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) memilih aliran sains apabila menjejakkan kaki ke tingkatan empat. Sehubungan itu, banyak kuota pengajian membabitkan STEM di universiti tidak dapat dipenuhi kerana kekurangan calon dari aliran terbabit.

Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) telah menganjurkan Program Sekolah Angkat: Terokai STEM Melalui UniSZA bersama Sekolah Menengah Kompleks Tembesu (KOMSTEM) sebagai salah satu inisiatif dalam menjayakan matlamat ini. Program ini diadakan pada 25 Mei di Dewan Al-Muktafi Billah Shah.

KOMSTEM merupakan sekolah angkat pertama PUSPA dan program ini merupakan yang pertama membabitkan PUSPA dengan sekolah angkat. Seramai 40 orang pelajar tingkatan tiga dan tingkatan empat dari KOMSTEM terpilih untuk menyertai program ini. Antara objektifnya adalah untuk memberi pendedahan dan menarik minat pelajar sekolah terhadap bidang STEM. Selain itu, ia bertujuan mempromosikan Program Asasi Sains dan Perubatan serta program ijazah yang ditawarkan oleh UniSZA berkaitan bidang sains dan teknologi, seperti ijazah di Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) dan Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK).

Justeru, dengan penganjuran program ini diharap dapat merapatkan hubungan dan kelangsungan kerjasama akademik antara universiti dengan sekolah berkaitan dan dapat melahirkan lebih ramai pelajar yang menceburi bidang sains dan teknologi seiring dengan keperluan semasa.





# PWB Kampus Besut Kongsi Kepakaran Bersama SRIDAF



Perpustakaan Al-Wathiqu Billah (PWB) Kampus Besut telah merayakan perkongsian ilmu dan kepakaran bersama warga Sekolah Rendah Islam Darul Furqan (SRIDAF). Sesi perkongsian ilmu yang melibatkan guru SRIDAF ini telah diadakan pada 18 Mei 2022 di Maktabah Al-Imam As-Syafie, SRIDAF. Program ini dimulakan dengan taklimat ringkas, demonstrasi pengkatalogan bahan rujukan, penampalan nombor panggilan, penentuan nombor panggilan bahan dan penyusunan bahan di rak.

Penganjuran program kolaborasi ini turut melibatkan Pustakawan, Pembantu Pustakawan dan guru-guru SRIDAF yang membolehkan kedua-dua pihak beroleh manfaat melalui perkongsian ilmu yang dijalankan. PWB juga sangat teruja dapat menyumbang ilmu kepada masyarakat setempat terutama institusi pendidikan di sekitar daerah Besut. Selain itu, menerusi program ini, ia memberi peluang kepada PWB untuk mempromosikan UniSZA dalam kalangan masyarakat di samping menyumbang kepakaran dan pengetahuan kepada komuniti yang sentiasa

menyokong UniSZA sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi di negeri Terengganu. Hal ini bersesuaian dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya: “Apabila seseorang manusia itu meninggal dunia maka terputuslah segala amalannya melainkan daripada tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu pengetahuan yang dapat diambil manfaat daripadanya dan anak soleh yang mendoakan untuknya” (Hadis Riwayat Imam Muslim).

## Program Social and Profesional Ethics dan Khidmat Komuniti (Sulam)

Pada 20–21 Mei, Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah berjaya melaksanakan program SULAM (bagi kursus CSF11503: Social and Professional Ethics) dan khidmat komuniti yang melibatkan murid-murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Perhentian dan masyarakat setempat.

Program ini melibatkan 204 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengambil kursus Social and Professional Ethics (CSF11503) dan Persatuan Mahasiswa FIK (PMFIK) sebagai pembantu menyelaraskan program. Program ini mendapat sokongan sepenuhnya daripada Pengurusan Universiti dengan kerjasama pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PAKAT), Pusat Islam dan Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Malayu Islam (INSPIRE).

Program SULAM merupakan satu inisiatif yang menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat komuniti (Service Learning Malaysia - University for Society (SULAM)). Inisiatif ini bertujuan memberi pengalaman pembelajaran yang menghubungkan teori dan praktis dengan penyelesaian permasalahan sebenar dalam komuniti serta berteraskan kasih sayang, kegembiraan dan saling menghormati. Melalui pelaksanaan SULAM secara tidak langsung dapat menghasilkan siswa yang dapat memajukan kehidupan masyarakat, meningkatkan kualiti pembelajaran dan sekali gus berupaya menghasilkan graduan yang holistik dan seimbang. Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dato’ Ts. Dr. Mohd Hafiz Yusoff @ Che Abdullah.



# Tautan Ukhuwah bersama Anak Yatim oleh PMKI

Pada 26 April, Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI) telah berkunjung ke Pusat Pengajian Tahfiz dan Anak Yatim Al-Sidiqi, Batu Rakit, Kuala Terengganu bagi mengikuti program Tautan Ukhuwah Bersama Anak Yatim. Program ini melibatkan seramai sepuluh orang sukarelawan PMKI. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memperkasa kemahiran kepimpinan dalam kalangan sukarelawan. Justeru, lawatan ini diadakan agar anak-anak yatim tidak terpinggir daripada sosial dan pada masa yang sama program ini bertujuan memartabatkan visi dan aspirasi universiti.



Dalam program ini, para sukarelawan berkongsi tentang pengetahuan am dengan para peserta mengenai dunia sebenar. Jelas kelihatan, keriangian terpancar di wajah para penghuni pusat berkenaan dengan kehadiran para sukarelawan yang menjalankan aktiviti bagi menghiburkan mereka. Dalam pada itu, para sukarelawan dapat memperkasakan kemahiran kepimpinan dan mengeratkan hubungan silaturrahim bersama anak-anak yatim.





## European Muslim Community and UniSZA: Building Lasting Links

A university plays many roles. It educates students allowing them to become productive citizens, able to move a nation forward. It brings together researchers supporting them to engage with each other, pushing the boundaries of knowledge. A university also plays a role with the community, both the community it is located, as well as the larger global community we find ourselves living in today.



The International Centre (IC) at Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) has worked to ensure UniSZA strengthens its collaboration with communities both near and far. We do this in part through our international students who in the past have been involved with the local community in Terengganu in activities such as beach clean ups held earlier this year. And we have also done it with our students back in their home countries too when in 2021 UniSZA international students carried out community projects in places like Nigeria, Palestine, Mauritius, Thailand, Cambodia and Indonesia.

More recently, IC has opened new links with communities in Europe, specifically among the Muslim community in Germany. These links serve to benefit not only those living in Germany, but also our own community here at UniSZA.

The International Centre has worked to ensure as many groups on campus as possible benefit from this collaboration with the Muslim community in Germany. To begin, IC has promoted UniSZA as a world-class education provider with a strong Islamic foundation. We have already received several students from Germany who will begin their studies at UniSZA this year. In addition to this, the Faculty of General Studies and Advanced Education (FUPL) held an intellectual discourse on ‘Opportunities and Challenges for the Muslim Minority in Germany’ on April 10 of this year with panelists from both UniSZA and the German Muslim community. FUPL also organizes ongoing online Quran reading classes for the German community. The Faculty of Languages and Communication (FBK) has been involved in a series of talks with language teachers in Germany, and have focused on Malaysian methods of teaching Arabic to both children and adults.

The UniSZA Research Institute for Islamic Products and Malay Civilization (INSPIRE) has prepared for an academic talk with Dr. Mohammed Naved Johari, Imam of the largest Germany speaking mosque in Europe, the IIS Mosque in Frankfurt, Germany. The talk will cover the issue of Zakat as it is practiced in Germany. UniSZA students are also an important part of community engagement and as such, the Student Representative Council (MPP) have led engagements with their counterparts in Germany, specifically with Muslim Youth groups looking for ways to interact with Malaysians.

These engagements are only the start. We hope each faculty and entity involved so far will continue to explore ways in which UniSZA can engage with the Muslim community in Germany. These efforts are yet another way in which the International Centre continues to uphold UniSZA’s motto: ‘Knowledge for the Benefit of Humanity’.






# FF Anjur Program Mobiliti 'International Virtual Exchange Lecture'

Dalam situasi negara berhadapan dengan krisis pandemik COVID-19, Fakulti Farmasi (FF) telah mengambil inisiatif melaksanakan program mobiliti secara dalam talian menerusi program *International Virtual Exchange Lecture*. Penganjuran program ini melibatkan kerjasama antara Fakulti Farmasi dengan Fakultas Farmasi, Universitas Padjadjaran, Indonesia (UNPAD).

Program yang berlangsung pada 17 April dan 22 Mei ini melibatkan dua sesi kuliah melalui aplikasi *Zoom Meeting*. Kursus yang terlibat ialah *Pharmaceutical Analysis* (PHM20703) iaitu kursus yang turut ditawarkan oleh Fakultas Farmasi UNPAD pada semester yang sama (*Quality Control of Pharmaceutical Dosage Forms*). Bagi tujuan pengantarabangsaan, sesi pembelajaran turut memberi tumpuan kepada elemen perkongsian budaya. Beberapa aktiviti yang dicadangkan ialah kuiz bahasa, coretan sejarah negara, klip video budaya tarian, makanan dan lagu berunsur kebudayaan yang bersesuaian serta bermanfaat untuk kedua-dua pihak.

Antara topik yang dibincangkan oleh kedua-dua pihak ialah *Introduction to HPLC* yang disampaikan oleh Dr. Holis Abdul Halik dari Fakultas Farmasi UNPAD dan *Gas Chromatography in Pharmaceutical Industry* oleh Dr. Syaliza Omar dari FF.

Inisiatif pelaksanaan program ini adalah untuk memupuk pembelajaran dalam talian secara global sebagai sebahagian daripada usaha *non-credited virtual mobility* bagi mewujudkan budaya pengantarabangsaan dalam kalangan pelajar serta kolaborasi pengajaran holistik yang bersifat merentas budaya dan benua.





# MAJLIS PELEPASAN DAN PENYERAHAN KEMBALI MAHASISWA MOBILITI BERKREDIT FKI UniSZA- (FAI) UMSIDA



Pada 15 Mac 2022, telah berlangsung majlis pelepasan dan penyerahan kembali mahasiswa mobiliti berkredit antara Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan Fakultas Agama Islam (FAI) Universitas Muhammadiyah Sidoarjo (UMSIDA). UMSIDA dengan motonya “Dari Sini Pencerahan Bersemi” merupakan salah satu universiti swasta di Jawa Timur yang menekankan nilai-nilai Islam untuk kesejahteraan masyarakat. Justeru, pada tahun 2019, FKI telah mengambil langkah memperkukuhkan lagi hubungan dua hala bersama UMSIDA dengan menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi Program Mobiliti Berkredit.

Program Mobiliti Berkredit adalah suatu program yang melibatkan proses pembelajaran dan pengajaran dalam bentuk *outbound* ke UMSIDA selama satu semester, iaitu pada Semester I Sesi 2021/2022. Ia bertujuan memberikan peluang

kepada pelajar FKI menimba pengalaman pendidikan dengan mengikuti program akademik yang ditawarkan oleh UMSIDA. Program ini terbuka kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda FKI Semester 3 yang mendapat keputusan CGPA 3.0 dan ke atas. Namun, pada tahun 2021, terdapat sedikit perbezaan apabila para pelajar UniSZA hanya dihantar secara dalam talian akibat pandemik COVID-19 yang melanda. Setelah cukup satu semester, maka pada 15 Mac 2022, telah berlangsung majlis pelepasan dan penyerahan kembali mahasiswa mobiliti berkredit FKI UniSZA – FAI UMSIDA.

Terkini, ketika menandatangani memorandum persefahaman (MoU) berkaitan pembangunan kompetensi pelajar dan kualiti sumber tenaga pensyarah secara maya pada 20 Januari, selain berharap kerjasama tersebut dapat membawa manfaat dalam memajukan dunia pendidikan Islam. Dekan FAI, Dr. Istikomah MAg. berkata, “Kerjasama antara FKI UniSZA dengan FAI UMSIDA dalam bidang akademik khususnya Pengajian Islam dilihat dapat berjalan lancar, termasuk pelaksanaan mobiliti pelajar bagi sepuluh pelajar UniSZA di UMSIDA dan 15 pelajar UMSIDA di UniSZA”. Ini memperlihatkan bahawa kerjasama antara kedua-dua pihak ini berjaya meninggalkan impak positif sejak program ini dilaksanakan pada tahun 2019 sehingga kini.

Sementara itu, kesemua pelajar yang mengikuti program tersebut turut mengakui bahawa pelbagai ilmu baharu dapat diperolehi daripada program tersebut. Mereka amat berpuas hati apabila berkesempatan mempelajari bahasa dan banyak perkataan baharu, didedahkan dengan kaedah pengurusan diri, pengajaran, dan peperiksaan yang tersendiri, di samping dapat berkenalan dan bertukar pandangan dengan rakan-rakan dari negara lain.



# ATLET FSK

## RANGKUL PINGAT DALAM TEMASYA SUKAN SEA

Saudari Iman Aisyah menjadi kebanggaan fakulti juga universiti kerana membawa nama Malaysia di persada dunia dengan memenangi pingat gangsa dalam acara Berpasukan Compound Wanita di Sukan Sea 31, Hanoi, Vietnam. Beliau turut dibantu skuad wanita yang dibarisi Saudari Fatin Nurfatehah Mat Salleh dan Saudari P Kayalvhily yang memenangi pingat gangsa selepas menundukkan Filipina 227-224 dalam kejohanan sukan memanah. Saudari Iman Aisyah Norazam merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengimejan Perubatan (Kepujian) di Fakulti Sains Kesihatan.

Sukan SEA 2021 edisi ke-31 berlangsung di Vietnam dari 12 hingga 23 Mei. Dalam kejohanan ini, Malaysia menghantar seramai 801 kontinjen terdiri daripada 584 orang atlet dan 217 orang pegawai. Para atlet mengambil bahagian dalam 37 jenis sukan daripada keseluruhan 40 sukan yang dipertandingkan dan melibatkan 338 acara daripada keseluruhan 526 acara.



Pihak fakulti berharap agar dapat melahirkan lebih ramai atlet yang dapat membanggakan universiti dan juga Malaysia di mata dunia. Bakat atlet ini sepatutnya digilap pada awal sesi kemasukan mereka ke universiti supaya adanya pelapis pada masa akan datang. Universiti juga perlu menyediakan kemudahan asas bagi acara sukan yang berpotensi tinggi untuk dimenangi.

## UniSZA JUARA KESELURUHAN DALAM NAHSSSE

Program ini merupakan acara sukan tahunan pelajar Fakulti Sains Kesihatan (FSK) bagi Universiti Awam dan Universiti Swasta. Program ini memupuk semangat kesukanan dan dapat membina jaringan sosial dalam kalangan pelajar dan secara tidak langsung dapat melahirkan warga universiti yang sihat.

Setelah hampir dua tahun berdepan dengan pandemik COVID-19, program ini akhirnya dapat diteruskan semula. Pada 14-23 Mei yang lalu program NAHSSSE diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dalam kejohanan kali ini, UniSZA berjaya merangkul juara keseluruhan bagi sukan yang dipertandingkan iaitu e-sukan dan sukan fizikal. E-sukan merangkumi sukan dalam talian seperti *Mobile Legend* dan *PUBG*. Sementara sukan fizikal pula merangkumi bola jaring, bola tampar, futsal dan catur.

FSK yang mewakili UniSZA mengungguli sukan catur. Antara pemenang catur perempuan ialah Saudari Nur Syaidatul Radhiah Mohd Salim dan Saudari Nur Sabirah Shamsudin, manakala bagi pemenang catur lelaki pula ialah Saudara Muhammad Fadhli Zil Ikram Mohd Fuzi dan Saudara Muhammad Shah Walid Saberi.







# KOR KESATRIA UNISZA

## ANJUR LATIHAN INTENSIF BAKAL KOMANDER SIRI V



Kor Kesatria UniSZA telah mengadakan program Latihan Intensif Bakal Komander Siri V yang diadakan pada 3 hingga 9 Mac. Program yang bertempat di sekitar kawasan Kem Survival Im4u Outreach Camp Merang disertai seramai 70 orang pelajar. Program ini dikendalikan oleh dua orang jurulatih iaitu Tuan Zul Kamal Othman dan Encik Nik Mazenan Nik Will serta dibantu oleh seramai enam orang pembantu jurulatih.

Antara objektif utama program ini dijalankan adalah untuk melatih dan membentuk pelatih Kesatria menjadi Komander Kesatria berwibawa dan mempunyai taraf kepimpinan yang boleh dibanggakan. Selain itu, ia turut membentuk dan meningkatkan potensi daya kepimpinan sebagai pembantu jurulatih yang serba boleh, dedikasi, berkeyakinan, bertanggungjawab dan memupuk semangat berkerjasama dalam satu pasukan





### PERANAN JAKIM DALAM PENYEBARAN DAKWAH KEPADA ORANG ASLI DI TERENGGANU

**PENULIS** : Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Jamilah Mohd Zain  
**ISBN** : 978-967-2231-93-6 | TAHUN 2021  
**HARGA** : RM41.00

Buku ini menjelaskan peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam penyebaran dakwah dalam kalangan Orang Asli di Terengganu. Untuk itu, buku ini cuba merungkai permasalahan aktiviti dakwah Orang Asli dari aspek kefahaman akidah Islam dan penghayatan ibadah yang perlu dinilai kembali keberkesannya supaya kehidupan seharian Orang Asli masih tetap berada pada landasan Islam yang sebenarnya. Huraian ringkas tetapi padat dengan fakta, memudahkan kefahaman setiap lapisan masyarakat untuk menyelami permasalahan sebenarnya yang berlaku dalam masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu secara khususnya. Buku ini juga memberi tumpuan kepada aktiviti yang telah dilaksanakan oleh pihak JAKIM dalam usaha meningkatkan pembangunan insan Orang Islam di Terengganu di samping cadangan penambahbaikan perancangan aktiviti dakwah untuk meningkatkan lagi kefahaman akidah dan penghayatan ibadah dalam kalangan Orang Asli. Diharapkan buku ini dapat mencetuskan ilham bagi memikirkan cabaran-cabaran baharu umat Islam secara umumnya dan Orang Asli secara khususnya dan bagaimana pihak berwajib agama boleh memainkan peranan mereka secara proaktif bagi menjayakan misi dakwah Malaysia amnya dan di negeri Terengganu khasnya.

### BASIC MICROBIOLOGY LABORATORY MANUAL

**PENULIS** : John Tang Yew Huat, Noor Afiza Badaluddin, Ahmad Syazni Kamarudin, Noroul Asyikeen Zulkifli  
**ISBN** : 978-967-2750-17-8 | TAHUN 2022  
**HARGA** : RM44.000



This microbiology manual is a comprehensive guideline introducing students to the basic microbiology techniques, including media preparation, microscopy, culture transfer and culturing, microbial staining, biochemical test and controls of microbial growth. The techniques are crucial and useful in many areas of research, especially in food and animal microbiology and plant pathology. Students can rely on this microbiology manual for quick review and concise protocol with pictures to make the experiment easier to understand. Students will experience hands-on techniques in the laboratory with helpful guidelines. This manual was developed with complete instructions together with laboratory exercises, tips and tricks in performing lab sessions, and 'ready to use' lab report templates. In addition, some sections of this manual can serve as a technical reference when conducting microbiological experiments such as biochemical tests.

### SISTEM KEKELUARGAAN ISLAM DAN AMALANNYA DI MALAYSIA

**PENULIS** : Jamalluddin Hashim  
**ISBN** : 978-967-2750-14-7 | TAHUN 2022  
**HARGA** : RM49.00



Buku Sistem Keluarga Islam dan Amalannya di Malaysia ini mengupas tentang hukum-hukum keluarga dalam Islam serta aplikasinya menurut Undang-undang Keluarga Islam yang diamalkan di Malaysia. Buku ini asalnya merupakan nota bagi kursus elektif Sistem Keluarga Islam yang ditawarkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA. Namun, isi kandungan buku ini telah ditambah baik dan diolah semula bagi disesuaikan untuk bacaan umum. Fakta-fakta fiqh yang terdapat dalam buku ini secara dasarnya dipetik menurut pandangan Mazhab Syafi'i Namun dalam sesetengah isu, pandangan tiga mazhab yang lain iaitu Hanafi, Maliki dan Hambali turut dimasukkan. Ini adalah bagi disesuaikan dengan definisi "Hukum Syarak yang terdapat dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 iaitu hukum syarak mengikut Mazhab Syafi'i atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hambali. Selain itu, pandangan-pandangan selain mazhab empat, tokoh-tokoh ulama silam dan kontemporari turut dimasukkan apabila berlakunya keperluan. Ini adalah sebagai satu perbandingan pendapat yang berkemungkinan dapat dilihat dari sudut kerelevanan pendapat-pendapat tersebut dalam konteks semasa. Ini adalah melihat kepada fleksibiliti Syariat Islam yang boleh menerima perubahan hukum berdasarkan perubahan masa dan tempat. Dari sudut amalan semasa, penulisan buku ini secara dasarnya mengguna pakai Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang dikira sebagai panduan bagi mengendalikan dan memutuskan kes-kes kekeluargaan yang berlaku di negeri Terengganu. Namun Enakmen Undang-undang Keluarga dari negeri-negeri lain turut dimasukkan sebagai satu perbandingan. Pelbagai kes kekeluargaan turut dimasukkan dalam buku ini bagi melihat keputusan-keputusan kehakiman yang pernah dilakukan berdasarkan fiqh Islam dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Buku ini sesuai untuk semua lapisan pembaca khususnya ahli akademik, pelajar, peguam syarie dan orang awam yang berminat dengan isu kekeluargaan dari sudut fiqh Islam dan perundangan semasa yang diaplikasikan di Malaysia.